

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"ILMU adalah milik Allah dan Allah mengurniakan martabat yang tinggi kepada hamba-Nya yang memiliki ilmu. Ilmu ialah faktor tunggal yang mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya yang terang-benderang."

Kerana itu Islam sangat mementingkan ilmu."

- Titah Sempena Perasmian Majlis Ilmu 2008 Sempena Hari Keputeran Baginda Ke-62 Tahun, pada 23 Rejab 1429 bersamaan 26 Julai 2008.



Waktu Sembahyang

IMSAK 5.00 SUBUH 5.10 SYURUK 6.33 DUHA 6.57 ZUHUR 12.30 ASAR 3.51 MAGHRIB 6.24 ISYAK 7.38

TAHUN 65 / BILANGAN 6

13 JANUARI 2020 / 1441 جمادى الاول 17

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

JABATAN PENERANGAN

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn



PELETAKAN batu asas
Makmal Pusat Pengasingan
Kebangsaan Muka 3



ANUGERAH Kehormat bagi
Ahli SCOT Muka 7



PDI permudahkan kelas
bimbingan buat mualaf
Muka 12



F1 in School :
Meningkatkan kemahiran
pelajar Abad Ke-21 Muka 21

Perutusan bagi Kesultanan Oman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah di atas pelantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham, sebagai Sultan Oman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tariq Al Said, Sultan Oman berikutnya dengan kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said Al-Said, Sultan Oman dan perutusan tahniah di atas pelantikan baginda sebagai Sultan Oman baru-baru ini.

Dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzhirkan kesedihan yang mendalam di atas kemangkatan Kebawah Duli Maha Mulia Sultan Qaboos, Sultan Oman, di mana kehilangan baginda akan dirasai oleh semua, khususnya atas sumbangan dan kerja keras baginda dalam mentransformasi Oman sebagai sebuah negara maju.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seterusnya merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham, sebagai Sultan Oman, dan berharap baginda akan mendapat kejayaan dalam tugasnya, dalam mana baginda penuh yakin, di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham, Kesultanan Oman akan terus maju dan sejahtera.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga merakamkan penghargaan di atas hubungan persahabatan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Kesultanan Oman yang sentiasa menikmati sokongan peribadi baginda dan berharap akan terus bekerja dengan baginda dalam memperkuuhkan hubungan tersebut di tahun-tahun mendatang.

Pada mengakhiri perutusan berkenaan, baginda berdoa, semoga Allah Subhanahu Wata'alaa akan menempatkan roh Al-Marhum bersama orang-orang beriman.

Persiapan ke arah negara rendah karbon

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari. - Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam telah bersidang buat kali ketiga pada 11 Januari 2020 bertempat di Kementerian Pembangunan.

Mesyuarat kali ini bertujuan untuk membincangkan draf Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam yang disediakan untuk membentuk hala tuju Negara Brunei Darussalam ke arah menjadi sebuah Negara yang rendah karbon serta berdaya tahan dan mampan selaras dengan Wawasan

2035, di samping memelihara kebijakan rakyat dan memastikan persekitaran yang hijau, bersih dan sihat.

Mesyuarat Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim dipengerusikan bersama oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; dan Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien.

Manakala, ahli-ahlinya pula terdiri daripada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; dan juga Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin

Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian Tenaga, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya, selaku Pengurus Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dan Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga dan Kuasa Elektrik), Kementerian Tenaga, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra selaku Pengurus Kumpulan Kerja Mitigasi.

Ke muka 4

Manfaatkan ilmu, pengalaman dalam kehidupan sehari-hari

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya juga, dapatlah kita sama-sama hadir di Majlis yang penuh bermakna ini iaitu Majlis Konvokesyen Cosmopolitan College of Commerce & Technology (CCCT) Kali Ke-13. Dalam kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Mulia Dr. Haji Abd. Aziz bin Haji Abd. Latip, Pengurus Eksekutif serta sekalian warga CCCT atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya, untuk menyampaikan sijil kepada para graduan kita yang berjaya menamatkan pengajian pada pagi ini.

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua 374 bakal graduan yang telah berjaya menamatkan kursus-kursus dalam bidang IT, Perniagaan dan Media Kreatif yang akan diraikan hari ini. Pencapaian ini bukanlah satu perkara yang mudah diraih kerana ia adalah hasil pengorbanan, kesabaran serta usaha gigih setiap individu dalam dewan ini untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan dan ilmu pengetahuan masing-masing di Era Revolusi Industri 4.0 ini. Kejayaan ini membuktikan bahawa para graduan adalah insan yang lebih baik bukan sahaja dalam bidang akademik, bahkan apa yang lebih penting, dari segi keperibadian dan pandangan hidup yang lebih luas dan menyeluruh sejak memulakan pelajaran.

Oleh itu, setinggi-tinggi tahniah turut dirakamkan kepada sekalian tenaga pengajar CCCT di atas dedikasi dan usaha berterusan sehingga menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran yang amat berguna dalam Era Info-teknologi ini. Alhamdulillah, tahun 2019 juga menandakan genapnya usia 15 tahun Kolej ini dalam menabur bakti sebagai satu



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Cosmopolitan College of Commerce And Technology Kali Ke-13 pada Sabtu, 26 Rabiulawal 1441 / 23 November 2019, bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, Jerudong.

Insitut Pendidikan yang amat dihargai dan kita amat berbangga atas segala kemajuan yang dicapai sehingga kini. Perambang saya amat yakin CCCT akan terus maju dalam mendukung dasar pendidikan negara, di samping memainkan peranan sebagai pemangkin transformasi masyarakat dan ekonomi, selaras dengan peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam konteks Knowledge-Based Society.

Mengimbang kembali kepada Titah

DALAM era Ekonomi Kreatif ini, kolaborasi dan kerjasama antara satu sama lain amatlah kritikal kerana pertukaran idea sentiasa pesat merentasi sempadan dan ianya boleh diperolehi dengan segera (knowledge on demand). Oleh itu, kita tidak boleh bertapak secara bersendirian dalam era ini. Mengatasi ketidakpastian tersebut memerlukan perkongsian pengetahuan dan kolaborasi yang kukuh demi untuk memanfaatkan setiap peluang yang ada, di samping menangkis apa jua cabaran. Di sinilah pegangan teguh kepada Falsafah negara Melayu, Islam, Beraja (MIB) turut memainkan peranan mustahak sebagai penanda arus dalam hala tuju kehidupan para graduan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Darussalam bersempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland pada 23 Disember 2018 yang lalu, antara lain baginda telah menekankan: "Sumber manusia adalah aset bagi pembangunan sesebuah negara. Maka menyedari ini, Beta tanpa kendur-kendurnya ingin menekankan bahawa pendidikan, sama ada formal, tidak formal maupun latihan berterusan adalah pelaburan tertinggi negara".

Dalam menyahut Titah baginda tersebut dengan sepenuhnya, amatlah mustahak bagi para graduan untuk melihat pendidikan dan kemahiran yang dicurahkan bukanlah setakat anugerah kepada para pelajar semata-mata, bahkan apa yang lebih penting ia adalah satu anugerah yang diberikan kepada masyarakat dan negara melalui para graduan.

Oleh yang demikian, manfaatkanlah segala ilmu dan pengalaman dalam kehidupan sehari-hari yang selanjutnya akan dibawa kepada kesejahteraan masyarakat selkiling. Setentunya, dengan pemikiran baharu, kreativiti dan daya fikir di luar kotak (*outside the box*) para graduan sudah bersedia dan dibekalkan dengan kaedah-kaedah terbaik untuk menyumbang secara bermakna kepada masyarakat dan negara, terutamanya kepada golongan yang memerlukannya. Oleh itu, ambillah langkah untuk sentiasa memajukan diri, ilmu dan kemahiran, di samping meneruskan inisiatif tanggungjawab sosial yang telah dimulakan semasa semester pengajian. Apa yang diharapkan ialah sikap tidak camah mata terhadap persekitaran selkiling kita dengan bersedia untuk melibatkan diri bagi membantu pembangunan negara dan golongan sasaran. Ingatlah, pendidikan hanya akan mempunyai makna jika ia digunakan untuk membangun dan memperkasa (*empower*) setiap golongan masyarakat.

Apa yang turut penting, para graduan hendaklah sentiasa peka dan sensitif kepada perubahan-perubahan yang terus dibawa dalam Era Revolusi Industri ke-4 ini. Tidak dinafikan kita sedang menghadapi beberapa cabaran, termasuk pencarian pekerjaan dan perasaan ketidakpastian bagi masa depan. Walau bagaimanapun, perambang saya amat yakin di sinilah peranan pendidikan berterusan dalam menangani ketidakpastian tersebut.

Ke muka 7

Dari Sidang Pengarang.

13 JANUARI 2020 BERSAMAAN 1441 17 جمادى الاول

KESELAMATAN DIJAGA BERSAMA, TANGGUNGJAWAB JANGAN DILUPA

APABILA berkata mengenai keselamatan jalan raya, pelbagai pihak mempunyai peranan masing-masing dalam sama-sama menjaga dan memastikan keselamatan jalan raya. Kita tidak dapat menudung jari dan menentukan hanya satu pihak sahaja yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai penjagaan dan pemastian keselamatan jalan raya.

Dalam menjaga dan memastikan keselamatan jalan raya, ia merupakan tanggungjawab bersama di antara pihak-pihak berkaitan sahaja, bersama rakan strategik lainnya khasnya, juga kepada para pengguna jalan raya amnya.

Jika peraturan sudah disediakan bagi memastikan keselamatan jalan raya, maka ia tidak akan ke mana jika para pengguna sendiri tidak mengambil berat dan sambil lewa dengan kewajiban menjaga keselamatan dan memastikan segala peraturan dipatuhi.

Apabila berlaku sesuatu, pihak yang tidak bertanggungjawab akan mula menudung jari kepada yang lain untuk menanggung segala kesilapan dan kesalahan yang dilakukannya. Bak kata pepatah, 'lontar batu sembunyi tangan' hingga orang yang selama ini cuba mematuhi juga menghormati peraturan jalan raya turut dipersalahkan.

Inilah terkadang yang berlaku, walaupun pada hakikatnya orang lain yang mengakibatkan kemalangan dengan tidak memberikan isyarat; memandu tanpa berwaspada; memandu sambil menggunakan telefon bimbit; brek kereta yang tidak berfungsi baik; mengekor terlalu dekat; dan sebagainya.

Ia bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada satu pihak, bahkan kepada pihak lainnya. Namun terdapat segelintir pihak melepas tanggungjawab apabila melakukan kesalahan. Ingat akan janji atau perjanjian yang diperbuat ketika kemalangan berlaku.

Dalam pada itu, tingkatkan kewaspadaan ketika memandu, berdoa sebelum memulakan perjalanan ke tempat dituju, memandu jangan melepas had laju, ingat akan keluarga, isteri, anak, bapa dan ibu, menanti kepeluan mu, tiba selamat di ambang pintu.

Ingat bahawa memandu bukan sekadar ingin seronok, jika ingin berlumba sila adakan perlumbaan di trek, pastikan tayar, lampu dan brek, semua berfungsi dan dalam keadaan baik.

Negara Brunei Darussalam, alhamdulillah menunjukkan penurunan dalam Statistik Menyeluruh Kemalangan Jalan Raya bagi 2011 hingga 2019, iaitu daripada 3,598 kes menjadi 1,196 kes.

Manakala kes yang melibatkan kematian (fatal) turut menurun daripada 47 kes menjadi 13 kes. Statistik kemalangan yang mengakibatkan kecederaan mengikut umur, terutama dalam kalangan belia, iaitu 18 hingga 24 tahun menunjukkan pencapaian baik dengan 319 kes pada 2017, berbanding 220 kes pada 2019.

Keselamatan jalan raya tanggungjawab bersama, bukan hanya kepada satu pihak cuma, jika peraturan cuma hanya di atas kertas sahaja, tidak ada rasa tanggungjawab dalam diri para pengguna jalan raya, maka keselamatan di jalan raya tidak akan wujud begitu sahaja, bak dalam babak *magic* atau drama.

Ia memerlukan kerjasama dan tolak ansur kita, sebagai pengguna jalan raya juga, bukan sekadar mengutarakan melalui tulisan atau kata, tetapi direalisasikan dengan perilaku dan mematuhi peraturan jua, bukan sekadar berkata ya, tetapi dibuktikan dengan merubah sikap sedia ada, bukan sekadar mengangguk kepala dan bersetuju sama, tetapi di laksana dengan bersungguh-sungguh dan tanggungjawab menjaga dan memastikan keselamatan tetap diutamakan bersama.

Pengguna jalan raya juga manusia, pasti ada pasang juga surutnya, memerlukan kepada kerjasama, selain berkehendak kepada tolak ansur sesama, jangan pentingkan diri tanpa hiraukan pengguna lainnya, kerana jalan raya adalah dikongsi sentiasa, bukan hak milik kita cuma. - Ketua Penyuntingan (Nb).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	30 °C	31 °C
25 °C	24 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	30 °C	31 °C
24 °C	24 °C	25 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	30 °C	31 °C
24 °C	24 °C	26 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	30 °C	31 °C
24 °C	24 °C	25 °C

Wattahalim Eissawab | Talian Cuaca Brunei WX App | Jabatan Kajiciaca Brunei Darussalam www.met.gov.bn | 114 | Google Play | Apple Store

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
13	ISNIN	17	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.51	6.24 7.38
14	SELASA	18	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25 7.39
15	RABU	19	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25 7.39
16	KHAMIS	20	5.01	5.11	6.34	6.57	12.31	3.53	6.26 7.39
17	JUMAAT	21	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26 7.40
18	SABTU	22	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.27 7.40
19	AHAD	23	5.02	5.12	6.34	6.52	12.31	3.53	6.27 7.40

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Peletakan batu asas Makmal Pusat Pengasingan Kebangsaan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menerima penerangan ringkas mengenai pembinaan Makmal Pusat Pengasingan Kebangsaan untuk Perkhidmatan Makmal Rujukan TB Kebangsaan dan Virologi, Tutong.

TUTONG, Sabtu, 11 Januari. - Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Makmal hari ini mengadakan Majlis Peletakan Batu Asas bagi

pembinaan Makmal Pusat Pengasingan Kebangsaan untuk Perkhidmatan Makmal Rujukan TB Kebangsaan dan Virologi, Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan peletakan batu asas dan seterusnya menyaksikan pameran.

Antara objektif-objektif bagi pembinaan Makmal Pusat Pengasingan Kebangsaan berkenaan adalah untuk melaksanakan Peraturan Kesihatan Antarabangsa (International Health Regulation) dan dasar Kementerian Kesihatan dalam mengukuhkan keupayaan teras kesihatan awam (selaras dengan Strategi-Strategi dan Hala Tuju 2007 - 2017; Hala Tuju Dasar Bilangan 24, 49 dan 50 melalui Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Keputeraan baginda pada tahun 2003, 2005 dan 2007); menepati Dasar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam menjalankan ujian makmal bagi mengenal pasti Mycobacterium Tuberculosis yang melibatkan pelaksanaan ujian-ujian tersebut di dalam Makmal containment 'Biosafety Level 3' (BSL3); persediaan Jabatan Perkhidmatan Makmal dalam menangani Public Health Emergencies of International Concern bagi penyakit-penyakit berjangkit seperti Disease X dengan melaksanakan prosedur pra-analisis sebelum diantar ke Makmal Rujukan Antarabangsa bagi ujian-ujian pengesahan dan memastikan persekitaran kerja yang selamat bagi klinik kerja makmal dan mencegah dari berlakunya jangkitan kuman seperti penyakit TB.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara mendah tangan ketika Doa Selamat dibacakan bagi memberkati majlis.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham meletakkan batu asas bagi pembinaan Makmal Pusat Pengasingan Kebangsaan untuk Perkhidmatan Makmal Rujukan TB Kebangsaan dan Virologi, Tutong.

Dengan adanya makmal containment BSL3 yang diiktiraf dan pelaksanaan ujian-ujian makmal yang mematuhi piawaian antarabangsa ini, ia di hasrat akan dapat menyokong Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019 - 2023 khususnya inisiatif-inisiatif di bawah Matlamat Strategik 1 dan 3 iaitu untuk menubuhkan Center of Excellence bagi Makmal-Makmal Klinikal yang boleh menyokong kesihatan dan keselamatan awam di Negara

Brunei Darussalam.

Turut hadir ke majlis tersebut, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar & Pengurusan) dan Pegawai Daerah Tutong.



AHLI-AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung (tengah) dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya (kanan) juga hadir bagi peletakan batu asas pembinaan Makmal Pusat Pengasingan Kebangsaan untuk Perkhidmatan Makmal Rujukan TB Kebangsaan dan Virologi tersebut. Manakala gambar kiri, Doa Selamat dibacakan bagi memberkati majlis oleh Ketua Guru Ugama Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong, Pengiran Haji Radiman bin Pengiran Haji Tengah.

Berkenan mengurniakan nama cucunda



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Khaalishah Mishbaahul Bolqiah (خالصة مصباح البوقية) binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini memaklumkan bahwasanya :

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah, dengan nama, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khaalishah Mishbaahul Bolqiah (خالصة مصباح البوقية) binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan amat suka cita mengurniakan nama kepada cucunda baginda, iaitu anakanda kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah, dengan nama, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khaalishah Mishbaahul Bolqiah (خالصة مصباح البوقية) binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Haji Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan kerabat baginda, seterusnya dengan suka cita mengurniakan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa meluaran tersebut juga kepada semua yang menyembangkan perutusan tahniah dan ucap selamat berikut dengan meluaran cucunda baginda itu, pada Ahad, 10 Jamadilawal 1441 bersamaan 5 Januari 2020, jam 10.08 malam.

Persiapan ke arah negara rendah karbon



MESYUARAT Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim dipengerusikan bersama oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (dua, kiri); dan Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien (dua, kanan). Manakala, ahli-ahlinya pula terdiri dari Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kiri); dan juga Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (kanan).

Dari muka 1

Draf Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam telah disediakan dengan melibatkan pelbagai pihak-pihak berkepentingan yang

mencerminkan usaha kerajaan dalam memastikan isu perubahan iklim ditangani secara menyeluruh dan bersepadan memandangkan isu perubahan iklim adalah *cross-sectoral* dan memerlukan pendekatan Whole of Nation.

Sebanyak 39 buah agensi terdiri

dari Jabatan-jabatan Kerajaan, pihak swasta, pusat penyelidikan, institusi-institusi tinggi serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah dilantik sebagai ahli kepada Jawatankuasa Persediaan Dasar Perubahan Iklim.

Draf dasar tersebut juga turut

dinilai oleh seramai 51 wakil bagi memberikan pandangan dari perspektif belia.

Dalam melangkah ke dekad yang baharu ini yang akan menentukan sama ada suhu purata dunia akan melebihi had berbahaya, iaitu 1.5 darjah Celsius

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pembangunan

ataupun tidak, tahun ini menjadi titik kritis dan penting bagi Negara Brunei Darussalam untuk mengambil langkah dalam membentuk arah tuju pembangunan yang rendah karbon dan meningkatkan kesedian dan keupayaan negara dalam menghadapi kesan-kesan perubahan iklim.

Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan bagi memperkuatkan lagi arah urus tadbir perubahan iklim serta memastikan pendekatan secara menyeluruh dalam menangani cabaran dan kesan perubahan iklim di peringkat negara.

Pada peringkat operasi pula, Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Climate Change Secretariat) telah ditubuhkan pada tahun 2018 dan diberikan mandat bagi membangun, melaksanakan, memantau dan menilai dasar, strategi serta tindakan perubahan iklim di Negara Brunei Darussalam di samping berperanan sebagai urus setia bagi menyelaras urus tadbir perubahan iklim.

Menjayakan Pelan Kerja ATSP

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Ahad, 12 Januari. - Kemajuan pelaksanaan Pelan Strategik Pelancongan ASEAN (ASEAN Tourism Strategic Plan - ATSP) 2016 - 2025 merupakan antara agenda yang dibincangkan semasa Mesyuarat Pertubuhan-Pertubuhan Pelancongan

Utama dan Pelancongan, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak juga membincangkan mengenai pertengahan penggal ATSP 2016 - 2025.

Pengiran Haji Kamalrudzaman dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, beberapa perkara penting perlu dibincangkan yang akan menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan pelancongan ASEAN seperti kerjasama serantau, kerjasama antara Negara-negara anggota ASEAN dan rakan kongsi,

pembangunan pelancongan yang mampan dan inklusif bagi destinasi ASEAN agar tetap berdaya saing dalam industri pelancongan.

"Sebagai Penggerusi Mesyuarat ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pelancongan ASEAN dan Penyelaras Negara Terkemuka masing-masing kerana bekerja keras dan mencapai Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2018 - 2019 setakat ini yang mana tanpa komitmen dari setiap Negara Anggota ASEAN, pencapaian ini tidak akan terlaksana," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai mesyuarat tersebut, beliau berharap menerusi perbincangan yang diadakan dapat

membuatkan hasil dan cadangan-cadangan selanjutnya dari Negara-negara Anggota ASEAN yang akan dapat menyumbang kepada kejayaan Pelan Kerja ATSP 2018 - 2019 sebelum menceburji Pelan Kerja ATSP seterusnya, iaitu bagi tahun 2020 - 2021.

Turut dibincangkan semasa mesyuarat tersebut ialah mempertimbangkan laporan Jawatankuasa Pelancongan ASEAN mengenai Daya Saing, Pembangunan Pelancongan Mampan dan Inklusif; Pemantauan Profesional Pelancongan; dan Penyediaan, Pemantauan dan Penilaian Pelancongan.

Selain itu, mesyuarat juga mengkaji semula prestasi



pelancongan ASEAN 2018 dan 2019 serta membincangkan kerjasama dengan badan ASEAN lain, rakan-rakan dialog, iaitu Plus Three, India dan Persekutuan Rusia.

Ke muka 8

Pemimpin perlu kejar perkembangan, kemajuan tangani masalah lebih berkesan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (kiri) menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta Bengkel Pengukuhan Kepimpinan bagi Penghulu Mukim, Pemangku Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung.

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

TUNGKU LINK, Sabtu, 11 Januari. - Seramai 92 peserta bengkel yang terdiri daripada Penghulu Mukim, Pemangku Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung menerima sijil pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Pengukuhan Kepimpinan bagi Penghulu Mukim, Pemangku Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung, di Institut Perkhidmatan Awam, di

sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan Penyampaian Sijil, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Pulau Baru-Baru, Sungai Bunga

dan Tanjong Kindana, Awang Haji Zaini bin Salleh, diikuti dengan ucapan, disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut.

Awang Salminan dalam ucapannya menjelaskan, peranan dan tugas yang dimainkan oleh pemimpin di peringkat akar umbi, iaitu Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung adalah amat berat dan semakin mencabar, apatah lagi dalam era globalisasi yang berpaksikan ilmu pengetahuan ini, di mana mengutamakan kepentingan untuk mengejar perkembangan dan kemajuan.

Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, tambahan pula, mengalami perubahan masa juga paradigma, sekarang masyarakat semakin memerlukan perhatian, pemeliharaan dan mempunyai ekspektasi yang tinggi tidak mengira peringkat umur, kesemuanya mengharapkan masalah mereka ditangani dengan lebih cepat juga berkesan.

Ujarnya lagi, melalui bengkel yang diadakan ini, diharap akan dapat membekalkan para peserta dengan ilmu pengetahuan juga pengalaman untuk digunakan bagi memudahkan para peserta menjalankan tugas-tugas dengan lebih efektif, berkesan, seterusnya dapat mempengaruhi dan menjana perubahan juga kemajuan positif dalam masyarakat mukim dan kampung masing-masing, di mana dicetuskan, dirancang dan dilaksanakan melalui platform Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Bengkel yang diadakan selama dua hari ini merupakan usaha dan inisiatif KHEDN dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, bertujuan bukan sahaja untuk meningkatkan pengetahuan mengenai peranan dan tugas-tugas selaku pemimpin di peringkat akar umbi, malahan juga untuk memberikan peluang kepada para peserta bengkel berinteraksi sesama mereka kerana para peserta bengkel dihimpunkan dari keempat-empat daerah.

Pengisian bengkel termasuk taklimat mengenai kepimpinan akar umbi merangkumi komunikasi berkesan, Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim

dan Ketua Kampung, Perintah-Perintah Am, Peraturan Kewangan juga taklimat disampaikan oleh beberapa agensi kerajaan yang lain.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), KHEDN, Awang Ajman bin Haji Meludin; Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; juga Pegawai-pegawai Daerah; Pemangku Pegawai-pegawai Daerah; dan Pegawai-pegawai Kanan daripada KHEDN dan jabatan-jabatan daerah.



ANTARA yang hadir ialah Pegawai-pegawai Daerah dan Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan daerah.

Pelancaran Majlis Khatam Al-Quran 74 Kali

Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74 pada tahun ini, Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) mengadakan Majlis

Pelancaran bagi memulakan bacaan Al-Quran untuk Majlis Khatam Al-Quran 74 Kali Khatam bagi jemaah dan penduduk Kampung Sungai Akar dan kawasan sekitarnya yang diadakan selepas menuaikan Solat Subuh, pagi tadi.

Majlis pelancaran anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir MRSB itu

disempurnakan dengan membaca Surah Al-Fatiyah oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, selaku Penaung MRSB.

Turut hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka

Haji Abidin.

Bacaan Juz pertama dan Doa Peliharakan Sultan dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Symsul Nizam bin Haji Badar.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengimarahkan MRSB, seterusnya menjalinkan kerjasama dan hubungan silaturahim antara penduduk dan jemaah serta ahli-ahli Jawatankuasa Takmir MRSB.

Di samping itu, untuk mendapatkan rahmat, hidayah serta ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'alai dan menzahirkan rasa kesyukuran kepada Allah atas limpah kurnia rahmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis juga mendukung hasrat baginda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara zikir dengan rakyatnya cilik Al-Quran sekali gus menggalakkan penduduk Kampung Sungai Akar dan kawasan sekitarnya membaca 30 juzuk ayat suci Al-Quran di bawah pemantauan guru-guru yang berkemahiran.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, selaku Penaung MRSB (tiga, kiri) dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (dua, kiri) semasa hadir pada majlis tersebut.

Sekolah Arab Rimba terima pelajar baharu



Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman ketika membuat lawatan ke Sekolah Arab Rimba yang terletak di Perumahan Kampung Rimba (kanan). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat bergambar kenangan bersama murid-murid sekolah tersebut.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan rombongan ketika mengadakan sesi muzakarah bersama pentadbir sekolah dan para guru.

RIMBA, Sabtu, 11 Januari. - Sekolah Arab Rimba mengalukan kehadiran seramai 303 pelajar Tahun 5 serta enam pelajar dari Tahun 7 Sekolah Al-Faalah bagi mengikuti pembelajaran di sekolah tersebut bagi musim penggal baharu persekolahan Tahun 1441H / 2020M.

Hadir menyaksikan sesi pendaftaran kemasukan para pelajar tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang juga telah membuat lawatan ke sekolah tersebut yang terletak di Perumahan Kampung Rimba.

Turut menyertai rombongan tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Terdahulu, rombongan dialu-alukan oleh Pengetua Sekolah, Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Md Tahir.

Menurut Pengetua Sekolah,

Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Md. Tahir, keramaian keseluruhan pelajar Tahun 5 hingga Tahun 11 pada tahun ini ialah seramai 1,861 pelajar.

Di sepanjang lawatan rombongan tersebut, Yang Berhormat Menteri KHEU turut

singgah ke kelas-kelas dan meninjau prasaranan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah tersebut seperti Surau, Dewan Makan dan seterusnya mengadakan sesi muzakarah bersama pentadbir sekolah dan para guru.

Pada tahun 2019, seramai 576 pelajar Sekolah Arab seluruh negara telah menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan daripada jumlah tersebut, secara keseluruhannya seramai 566 pelajar telah mencapai gred 'A' - 'C' dalam setiap mata pelajaran yang diduduki, iaitu 98.26 peratus. Pencapaian tersebut telah meningkat sebanyak 1.14 peratus berbanding 97.12 peratus pada tahun 2018.

Manakala empat buah Sekolah Arab iaitu Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan, Ma'had Islam Brunei, Sekolah Arab Belait dan Sekolah Arab Temburong telah mencapai kecemerlangan 100 peratus, gred 'A' - 'C' dalam setiap mata pelajaran.

Sementara itu, seramai 173

pelajar, iaitu 30.03 peratus mendapat keputusan cemerlang 5 'A'.

Sekolah-sekolah Arab telah mengekalkan pencapaian 100 peratus mendapat gred 'A' - 'C' dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pula gred 'A' - 'C' meningkat sebanyak 0.06 peratus, iaitu 99.82 peratus berbanding 99.76 peratus pada pencapaian tahun 2018.

mata pelajaran Matematik juga meningkat sebanyak 3.67 peratus, iaitu 99.82 peratus berbanding 96.15 peratus, manakala dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pula gred 'A' - 'C' meningkat sebanyak 0.06 peratus, iaitu 99.82 peratus berbanding 99.76 peratus pada pencapaian tahun 2018.



PENGETUA Sekolah Arab Rimba, Pengiran Hajah Radiah binti Pengiran Haji Md. Tahir ketika memberikan taklimat ringkas pada majlis tersebut.



PARA ibu bapa hadir bersama anak masing-masing bagi sesi pendaftaran kemasukan pelajar baharu di Sekolah Arab Rimba (kanan dan kiri).

Anugerah Kehormat bagi Ahli SCOT



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, YANG BERHORMAT MEJAR Jeneral (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN BIN PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN menyampaikan Anugerah Kehormat (The SCOT Honorary Award) 2019 yang diterima oleh Timbalan Presiden The Society for Community Outreach & Training (SCOT), Dayang Hajah Izzati Khairunnisa binti Haji Embran (kiri) manakala gambar atas, Ketua Pegawai Eksekutif Progresif Sendirian Berhad, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar menerima Anugerah Stakeholder Award yang diberikan kepada Progresif Sendirian Berhad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Januari. - Timbalan Presiden The Society for Community Outreach & Training (SCOT), Dayang Hajah Izzati Khairunnisa binti Haji Embran terpilih sebagai penerima Anugerah Kehormat (The SCOT Honorary Award) 2019.

Ini merupakan tahun keenam SCOT, menyampaikan Anugerah Kehormat tersebut kepada seorang ahlinya yang mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek bagi beberapa kriteria.

Ciri-ciri pencapaian itu adalah sangat wajar untuk diteladani juga bermanfaat, bukan sahaja kepada ahli dan persatuan, malah juga bagi kemajuan negara ke arah melahirkan lebih banyak pemimpin belia yang akan

mempunyai sifat amanah, gigih, semangat setia kawan juga boleh menjadi role model kepada SCOT lain.

'CIRI-CIRI pencapaian itu adalah sangat wajar untuk diteladani juga bermanfaat, bukan sahaja kepada ahli dan persatuan, malah juga bagi kemajuan negara ke arah melahirkan lebih banyak pemimpin belia yang akan mempunyai sifat amanah, gigih, semangat setia kawan juga boleh menjadi role model kepada SCOT lain.'

lain.

Anugerah disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang BerhORMAT MejAR Jeneral (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN BIN PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN pada Mesyuarat Agung Tahunan SCOT Ke-6, di Bilik Mesyuarat, Pusat Belia, di ibu negara.

Sejak 2016, Dayang Hajah Izzati banyak mengambil inisiatif kepimpinan yang membolehkan belia untuk memberikan impak positif kepada masyarakat dan Ahli-ahli SCOT lain yang turut bekerjasama dalam menjayakan projek-projek diusahakan.

Antara jawatan yang dipegang beliau seperti Treasurer SCOT, Project Manager for Ramadan Charity Drive, Assistant project manager Green Xchange 9 dan Youth Against Poverty.

Anugerah Kehormat diberikan kepada ahli berwibawa terpilih oleh ahli jawatankuasa SCOT sebagai penghargaan atas jasa-jasa dan komitmen belia kepada persatuan juga masyarakat awam secara keseluruhannya sepanjang tahun 2019.

Pada majlis tersebut, Progresif Sendirian Berhad menerima Stakeholder Award, di mana anugerah tersebut diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif Progresif Sendirian Berhad, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar.

Progresif Sendirian Berhad merupakan *stakeholder* dan *partner* dalam beberapa projek yang diusahakan bersama sejak tahun 2016 seperti Projek Youth Against Poverty, SCOT Education Brunei - Cambodia, di mana dengan kerjasama yang dibina, ia dapat menghasilkan projek-projek yang memberikan impak positif, terhadap masyarakat yang kurang berkemampuan dan belia-belia untuk menyumbang usaha dalam memajukan negara.



YANG BerhORMAT Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan sijil kepada Pengarah Kewangan SCOT, Awang Md. Arif bin Haji Zainal (tengah) selaku penerima Sijil Aspirasi (Certificate of Aspiration).

HALUAN

Dari muka 2

Dalam era Ekonomi Kreatif ini, kolaborasi dan kerjasama antara satu sama lain amatlah kritikal kerana pertukaran idea sentiasa pesat merentasi sempadan dan ianya boleh diperolehi dengan segera (*knowledge on demand*). Oleh itu, kita tidak boleh bertapak secara bersendirian dalam era ini. Mengatasi ketidakpastian tersebut memerlukan perkongsian pengetahuan dan kolaborasi yang kukuh demi untuk memanfaatkan setiap peluang yang ada, di samping menangkis apa jua cabaran. Di sinilah pegangan teguh kepada Falsafah negara Melayu, Islam, Beraja (MIB) turut memainkan peranan mustahak sebagai penanda arus dalam hala tuju kehidupan para graduan.

Manfaatkan ilmu, pengalaman dalam kehidupan sehari-hari

Oleh yang demikian, dengan keterbukaan dan pegangan kuat ini, para graduan akan dapat terus mengemas diri dengan pengetahuan yang bertepatan dengan keperluan yang pesat berubah dan sama-sama menyumbang impak yang diharatkhan. *Learn, re-learn, co-learn and co-create* : inilah kunci untuk mencatat kejayaan secara berterusan. Ke arah ini, insyaaAllah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus memberikan peluang bagi para graduan untuk meningkatkan pembelajaran ke tahap yang lebih tinggi, di samping menyediakan platform untuk menyumbang tenaga demi kebaikan masyarakat dan negara. Antara lain, inisiatif-inisiatif seperti Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV) di bawah Kementerian Pendidikan dan Elaun Pelajaran

(Educational Allowance) memberikan peluang keemasan untuk memperkuatkan lagi daya saing para graduan dalam arena persaingan tanpa sempadan, di samping memupuk keperibadian yang lebih baik dan menyeluruh. Dengan matlamat 3E (Enable, Educate and Empower), kita akan sentiasa memberikan sokongan yang penuh demi memastikan para graduan akan mencapai cita-cita serta harapan masing-masing demi bangsa, ugama dan negara. Inilah hala tuju kita yang terus direalisasikan melalui pendekatan Whole of Nation, insyaaAllah.

Sebelum mengakhiri, sekali lagi setinggi-tinggi syabas kepada para graduan. Ingatlah para graduan hendaklah merasa bangga kerana hari ini menandakan satu milestone yang signifikan dalam perjalanan hidup masing-masing. Kekalkanlah silaturahim yang dijalankan dan ingatlah para penuntut dan warga Kolej

adalah satu keluarga.

Dalam kesempatan ini, tidak lupa diucapkan setinggi penghargaan dan tahniah atas sumbangan istimewa pihak pengurusan dan pensyarah CCCT yang telah mencerahkan ilmu dan kemahiran yang amat berguna kepada Negara selama 15 tahun. Terima kasih.

Akhirnya, kepada para ibu bapa dan penjaga, terima kasih di atas pengorbanan, doa dan sokongan yang amat tinggi nilainya sehingga menjadikan anak-anak sebagai insan yang berpendidikan tinggi dan cemerlang. Semoga Allah Subhanahu Wata'

para graduan dan sekalian warga Kolej, serta dikurniakan balasan yang setimpal dengan usaha dan pengorbanan biskita.

Sekian. *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.*

Bekerjasama memastikan kebersihan pantai

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

MUARA, Ahad, 12 Januari. - Dalam usaha untuk memastikan kebersihan pantai sentiasa terjaga sekali gus menjaga imej dan kebersihan alam sekitar di negara ini, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dengan kerjasama sukarelawan telah mengadakan Kempen Kebersihan Pantai di Pantai Muara.

Seramai 100 peserta terdiri daripada kakitangan Netcom Computer House dan para sukarelawan telah menyertai kempen tersebut yang bertema 'Save The Ocean Beach Clean Up'.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin merasmikan Kempen Kebersihan Pantai di Pantai Muara.

Dayang Syirain Afifi binti Muhammad Fadzil ketika ditemui Pelita Brunei berkata bahawa inisiatif kempen kebersihan yang diadakan di pantai tersebut adalah bagi memastikan Pantai Muara sentiasa bersih kerana ia merupakan salah satu destinasi yang menarik untuk dikunjungi malah sesuai untuk dijadikan tempat berkelah bersama keluarga terutama di hujung minggu dan pada musim cuti persekolahan.

Justeru, orang ramai juga berperanan penting dalam menjaga imej negara dengan sentiasa mengamalkan kebersihan alam sekitar agar ia dapat menarik perhatian lebih ramai pelancong antarabangsa ke Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Dayang Nurolfizah binti Jasni berharap agar para pengunjung sentiasa bertanggungjawab dan sama-sama

mengekalkan kebersihan pantai serta memastikan sampah sarap di buang ke tempat pembuangan sampah.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga perlu mengelakkan pembuangan tali pancing ke laut bagi mereka yang menggemari aktiviti memancing. Menjaga dan memelihara kebersihan alam sekitar seperti pantai-pantai di Negara Brunei Darussalam bukan hanya terletak pada pihak JASTRe atau sukarelawan, tetapi ia adalah tanggungjawab semua khasnya para pengunjung pantai.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin merasmikan Kempen Kebersihan Pantai di Pantai Muara.



KEMPEN Kebersihan Pantai di Pantai Muara yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dengan kerjasama sukarelawan serta 100 peserta terdiri daripada kakitangan Netcom Computer House.

PARA pengunjung mesti sentiasa bertanggungjawab dan sama-sama mengekalkan kebersihan pantai... Jelas Dayang Syirain Afifi binti Muhammad Fadzil dan juga Dayang Nurolfizah binti Jasni.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak.

Dari muka 4

Tema Forum Pelancongan ASEAN (ASEAN Tourism Forum - ATF) 2020, iaitu 'ASEAN - Bersama Menuju Peningkatan Perjalanan' disertai seramai 1,000 pegawai pelancongan dan peserta pameran yang dijangka akan mengambil bahagian dalam mesyuarat termasuk kehadiran wakil media tempatan dan antarabangsa.

Selain mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan ATF, turut

Menjayakan Pelan Kerja ATSP



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

diadakan ialah Travel Exchange (TRAVEX) selama tiga hari bermula 14 Januari 2020.

Mesyuarat NTO ASEAN Ke-51 juga akan diteruskan dengan Kumpulan Kerja Pelancongan ASEAN - India Ke-23; Rundingan Pelancongan Persekutuan ASEAN - Rusia Ke-10 dan Mesyuarat ASEAN Plus Three NTO Ke-36 bagi persiapan Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN Ke-23, Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN Plus Three Ke-19 dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN Plus India Ke-8.



SETIAUSAHA TETAP Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bergambar ramai bersama para delegasi yang menghadiri Forum Pelancongan ASEAN (ASEAN Tourism Forum - ATF) 2020.

Keluarga angkat SSEAYP dihargai



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejaz Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan cenderamata kepada wakil keluarga angkat bagi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-45 (2018).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari. - Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (BERSATU) petang tadi mengungkayahkan Majlis Penghargaan Keluarga Angkat bagi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-45 (2018) yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia di ibu negara.

Pensyampaian cenderamata kepada wakil-wakil keluarga

angkat disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejaz Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir sama, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; dan Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Kolonel

(B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; Yang Di-Pertua BERSATU, Dayang Hajah Rosmawatiniah binti Haji Ibrahim.

Terdahulu, Naib Yang Di-Pertua BERSATU, Awang Haji Khairul Ariffin bin Haji Abd Aji dalam ucapannya menjelaskan BERSATU yang hampir menjangkau usia 30 tahun pada tahun ini telah secara konsisten bergerak aktif dalam projek-projek berskala kecil untuk para ahli secara khususnya dan masyarakat secara amnya.

Ini termasuk bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan, KKBS dalam mengendalikan Port of Call dan Program Keluarga Angkat bagi SSEAYP Ke-45 pada 11 hingga 13 November 2018.

Menurut beliau lagi, Program Keluarga Angkat yang dikelolakan oleh BERSATU telah berjaya menolong pihak kerajaan dan BERSATU dalam memperkenalkan kebudayaan dan adat resam Brunei pada duta-duta belia ASEAN dan Jepun yang mengikuti program SSEAYP.

Majlis turut diserikan dengan beberapa persembahan kebudayaan gabungan dari bekas peserta SSEAYP 2016 - 2019 (BPY 43, BPY 44, BPY 45).

Selain itu, acara turut diselanjurkan dengan Majlis Inagurasi Peserta Kapal Belia Ke-46 (2019), di mana para peserta SSEAYP 2019 diraikan sebagai ahli alumni para bekas peserta SSEAYP dan dialu-alukan sebagai ahli di dalam BERSATU.



ANTARA yang hadir pada Majlis Penghargaan Keluarga Angkat bagi SSEAYP Ke-45 (2018) yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia di ibu negara (atas). Majlis juga diserikan dengan persembahan kebudayaan gabungan daripada bekas peserta SSEAYP 2016 - 2019 (bawah).



مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦراغن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan WARGAMAS kali pertama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus memperakui dan mengiktiraf kepentingan warga emas, bukan sahaja kerana golongan tersebut merangkumi lebih lapan peratus daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, tetapi apa yang lebih penting ialah sumbangan signifikan yang telah dan terus diberikan oleh warga emas kepada pembangunan bangsa dan negara, terutamanya dalam membentuk masyarakat masa kini hingga mencapai kejayaan dan kecemerlangan.

Penubuhan WARGAMAS yang bermatlamat untuk menyatukan golongan warga emas untuk terus menerajui dan menjayakan Wawasan Brunei 2035, khususnya pencapaian kualiti hidup yang tinggi dan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin seterusnya menyatakan, objektif tersebut juga sangat bertepatan dengan hala tuju Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial dalam usaha berterusan untuk menjamin kebajikan, kesihatan dan pembangunan seluruh warga emas di negara ini, khususnya melalui Pelan Tindakan Warga Emas.

Dalam usaha tersebut, Yang

Terus berganding bahu dengan pihak kerajaan

"Kita amat berbangga dan berbesar hati golongan warga emas telah terlibat secara langsung ke arah penambahbaikan Pelan Tindakan berkenaan pada bulan Oktober 2018 yang lalu demi memastikan tindakan-tindakan yang telah digariskan benar-benar mencerminkan keperluan dan kemauan golongan warga emas sendiri.

Sumbangan biskita ini mempunyai nilai yang amat tinggi dan insyaAllah, kita akan sentiasa berusaha demi memastikan setiap inisiatif yang diambil mencapai impak yang diharapkan dalam memelihara kesejahteraan golongan warga emas, di samping memastikan golongan warga emas akan terus dihormati serta dilibat samakan secara aktif dalam pembangunan negara," katanya semasa merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan WARGAMAS kali yang pertama.

Pada majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan menjelaskan, para warga emas turut terpanggil untuk menyumbang secara bermakna ke arah kesejahteraan dan pembangunan negara secara keseluruhan.

Yang Berhormat turut berbesar hati di atas objektif Pertubuhan WARGAMAS yang menggariskan komitmennya ke arah peningkatan sosioekonomi negara, termasuk pembasmi kemiskinan melalui pembangunan perekonomian negara dan mengurangkan pengangguran yang selaras dengan Pelan Tindakan Isu Kemiskinan.

Pelan tersebut tambahnya, sedang direview bagi memastikan ia tetap relevan dan lebih fokus untuk menangani cabaran-cabaran kritikal.

Sememangnya, kejayaan usaha ini amat memerlukan pendekatan Whole of Nation dan golongan warga emas dilihat sebagai rakan strategik yang sangat kritikal dalam mencari dan melaksanakan tindakan-tindakan dalam menangani cabaran ini secara efektif.

Dalam usaha tersebut, Yang

Berhormat mengongsikan beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan, iaitu dari aspek usaha untuk mengurangkan pengangguran, iaitu badan Manpower Planning and Employment Council (MPEC) di Jabatan Perdana Menteri yang telah pun ditubuhkan pada tahun ini yang menumpukan usaha untuk menangani isu pengangguran bukan sahaja dalam kalangan graduan, tetapi juga dalam kalangan golongan sasaran.

"Kita telah pun mengadakan mesyuarat kedua pada minggu lepas. Mengongsikan Kementerian ini sendiri juga berusaha untuk menangani isu pengangguran dengan penubuhan job centre tersendiri yang ditumpukan kepada golongan sasaran yang terus dilaksanakan dari tahun lepas," katanya lagi.

Manakala, tambahnya, dalam usaha untuk membasmi kemiskinan, beberapa perusahaan telah pun ditubuhkan dengan bantuan KKBS bagi kalangan golongan susah, ibu-ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU).

"Geran telah pun diberikan kepada golongan ini, bukan setakat belia sahaja. Para kaum hawa telah berjaya menjalankan usaha sehingga menghasilkan 200 pasang baju. Dalam usaha ini, usaha juga telah memberikan pekerjaan kepada para belia dengan platform bagi mereka untuk melaksanakan perusahaan tekstil dengan objektif mereka untuk menghasilkan 5,000 pasang baju untuk dieksport ke Amerika

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Syarikat.

Kita juga tidak lupa OKU yang turut berlatih dalam Pusat Pembangunan Belia dalam penjahitan. Kita ingin usaha ini untuk diselaraskan dengan usaha warga emas. Kita amat gembira produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh perusahaan-perusahaan ini turut didukung oleh rakan-rakan strategik melalui inisiatif *corporate social responsibility* mereka. Kita juga telah menyediakan peruntukan bagi Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) untuk memulakan perniagaan ataupun *social enterprise*," ujarnya lagi.

Yang Berhormat juga mengongsikan Pusat-pusat Kegiatan Warga Emas baharu akan dilancarkan di Daerah Temburong pada Isnin, 13 Januari 2020 ini dan di Daerah Belait pada bulan Februari.

Ini jelasnya menunjukkan sokongan padu yang terus diberikan kepada golongan warga emas dan Yang Berhormat amat yakin PKWE akan terus bergerak maju dan akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh ahli-ahli WARGAMAS, di samping menjalin dan mempereratkan lagi rangkaian sosial dalam kalangan warga emas.

"InsyaAllah, sebagai peneraju bagi kesejahteraan dan hak-hak para warga emas, KKBS amat menantikan Pertubuhan

WARGAMAS akan terus berganding bahu dan bekerjasama dengan pihak kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta bagi sama-sama memastikan semua objektif pelan tindakan berkenaan dapat dicapai demi kesejahteraan semua pihak yang berkenaan.

Kita tetap bersedia dan mengalu-alukan sebarang cadangan kerjasama daripada Pertubuhan WARGAMAS demi membangun potensi warga emas dalam bidang perekonomian dan seterusnya membasmi kemiskinan dan pengangguran antara lainnya di kalangan masyarakat. Kita menantikan Kongres Warga Emas 2020 dan bagi hasilnya untuk diselaraskan dengan Pelan Tindakan Warga Emas," ujarnya lagi.

Yang Berhormat seterusnya menekankan bahawa pertubuhan WARGAMAS ini setentunya akan menambahkan lagi platform bagi warga emas negara untuk berinteraksi dalam perkumpulan yang positif dan membangun serta menyulurkan buah fikiran bagi sama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan dalam memastikan golongan warga emas akan dapat meneruskan kehidupan yang aktif dan menyumbang ke arah pembangunan negara yang inklusif dan mampan.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama jemputan-jemputan khas yang lain ketika hadir pada Mesyuarat AGM WARGAMAS Kali Pertama yang berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Bersama menerajui pembangunan bangsa, negara



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Januari. - Hasil permuzakarahan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) WARGAMAS kali yang pertama menerusi pemilihan Suruhan Pilihanraya WARGAMAS 2020 Jawatankuasa Takbir Tertinggi WARGAMAS bagi sesi 2020 masih mengekalkan jawatan Yang Di-Pertua (YDP) oleh Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin.

Manakala jawatan Timbalan Yang Di-Pertua disandang oleh Awang Haji Abd. Hakim bin Haji Mat Yassin sementara Naib YDP bagi Daerah Brunei dan Muara ialah Pengiran Razali bin Yussof dan bagi Naib

YDP Daerah Tutong ialah Mejar (B) Haji Bd. Kani bin Haji Md. Said dan Dayang Siti Aishah binti Abdullah pula dipilih bagi Naib YDP Daerah Belait.

Awang Haji Abu Bakar bin Haji Muhd. Don pula dikekalkan memegang jawatan Setiausaha Agung dan Bendahari pula ialah Haji Awang bin Haji Awang Damit.

AGM WARGAMAS diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

YDP WARGAMAS, Pengiran Haji Mohd. Salleh ketika ditemui antara lain menerangkan tujuan utama WARGAMAS untuk menjadi sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang menyatupadukan semua warga emas di seluruh negara untuk sama-sama mendukung pembangunan, kemajuan, kesejahteraan, keharmonian

agama, bangsa dan negara demi kebaikan bersama.

Pengiran Haji Mohd. Salleh seterusnya menjelaskan beberapa perancangan dan projek yang akan dilaksanakan antaranya projek perikanan, ternakan Ayamas, ternakan ikan - Eco Ark, ladang buah-buahan dan pelbagai projek lain ke arah sama-sama menerajui pembangunan bangsa dan negara.

Selain itu, inisiatif WARGAMAS juga termasuk mengendalikan Kongres Wargamas 2020 yang dijangka akan diadakan pada 1 April 2020 yang antara lain akan membincangkan mengenai Program Ganyang Pengangguran Ganyang Kemiskinan Wargamas 2035.

Setakat ini, jumlah keahlian bagi WARGAMAS mencatatkan sebanyak 395 orang dari keempat-empat daerah.

ANTARA ahli-ahli yang hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) WARGAMAS kali pertama.

Hikmah ujian sakit dari Allah Subhanahu Wata'ala



TAZKIRAH Subuh bertajuk 'Hikmah Di sebalik Kesakitan' disampaikan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohammad Faidzal bin Haji Wahab pada Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari - Kebanyakan manusia kurang mengambil perhatian terhadap nikmat yang paling besar iaitu perihal mengenai nikmat kesihatan dan nikmat kesakitan.

Malah ada kalanya, nikmat sihat itu dipandang remeh dari segi kemanfaatannya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada

mewasiatkan umatnya untuk sentiasa menjaga kesihatan dengan sebaik-baiknya sebelum datangnya sakit.

Perkara tersebut merupakan perincian yang disampaikan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohammad Faidzal bin Haji

Wahab bertajuk 'Hikmah Di sebalik Kesakitan' pada Tazkirah Subuh yang diadakan selepas Sembahyang Berjemaah Fardu Subuh pada Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Tazkirah tersebut turut menerangkan bahawa perkataan sihat memang tinggi nilainya semasa seseorang itu jatuh sakit. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

pernah bersabda bahawa, rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara, iaitu hidupmu sebelum matimu, sihatmu sebelum sakitmu, mudamu sebelum tuamu, kayamu sebelum miskinmu dan waktu lapangmu sebelum sibukmu.

Sakit merupakan satu ujian dari Allah Subhanahu Wata'ala dan kita selaku hamba-Nya hendaklah terus tabah, berusaha dan bertawakkal kepada-Nya. Perlu diingat bahawa semasa hamba-hamba Allah melalui ujian sakit akan diutus Allah Subhanahu Wata'ala dengan empat malaikat yang akan mendampingi dan menjaganya.

Malaikat pertama akan diperintahkan untuk mengambil kekuatan sehingga ianya menjadi lemah. Malaikat kedua pula diperintahkan untuk mengambil rasa kelazatan makanan yang dimakan sehingga hilang selera makan.

Manakala malaikat ketiga pula ditugaskan untuk mengambil cahaya di wajah sehingga menjadikan hambanya yang sakit tersebut kelihatan pucat. Seterusnya malaikat yang keempat ditugaskan untuk mengambil dosa-dosa hamba yang sakit tadi dan menjadikannya suci daripada dosa-dosa.

Program yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) disokong oleh Jabatan Perdana Menteri turut

dihadiri oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar; Hakim Mahkamah Rayuan Syar'iah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin; Setiausaha Tetap, KHEU, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang.

Kehadiran jemaah yang hadir memakmurkan rumah Allah diharap akan dapat menghidupkan amalan Sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat membangkitkan rasa persamaan antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang secara berjemaah dan melakukan amal ibadat bersama-sama.

Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' merupakan sebuah program sama-sama mengalaukan jemaah bagi memakmurkan masjid dan seterusnya secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah di masjid.

PDI permudahkan kelas bimbingan buat mualaf



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh menyampaikan bantuan beras dan peralatan sekolah daripada PDI kepada para penerima dari Kampung Kuala Ungar, Mukim Rambai, Tutong (kiri dan kanan).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

TUTONG, Sabtu, 11 Januari. - Kelas Bimbingan Muallaf anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI) disediakan sebagai wadah Pembelajaran Sepanjang Hayat khusus bagi mualaf di Negara Brunei Darussalam,

yang diadakan di keempat-empat daerah.

Sehubungan itu, Al-Minhaaj Centre dengan kerjasama PDI mengadakan Majlis Pengenalan Kelas Bimbingan Muallaf yang diseluruh-

degan Penyerahan Sumbangan Bantuan kepada para mualaf.

Majlis diadakan di Masjid Kampung Bang Dalam, di sini.

Hadir sebagai tetamu kehormat majlis ialah Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh yang juga menyampaikan bantuan beras dan peralatan sekolah daripada PDI kepada 11 keluarga

mualaf dari Kampung Kuala Ungar, Mukim Rambai, Tutong.

Turut memberikan sumbangan berupa kelengkapan menunaikan ibadah sembahyang dan peralatan sekolah adalah Kumpulan Meriah Barkah dan Al-Minhaaj Centre yang disempurnakan oleh Dayang Hajah Florinda binti Mejenis.

Majlis juga diserikan tazkirah bertajuk 'Keutamaan dan

Kelebihan menuntut Ilmu' yang disampaikan oleh pengasas bersama Al-Minhaaj Centre, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Kelas Bimbingan Muallaf Mukim Rambai diadakan dengan tujuan untuk memudahkan mualaf yang tiada kemudahan seperti masalah kenderaan dan sebagainya untuk mempelajari asas ilmu Fardu Ain, iaitu Aqidah, Syariah dan Akhlak.

Kelas Bimbingan Muallaf di Mukim Rambai dikendalikan oleh Al-Minhaaj Centre dan diadakan seminggu sekali selama empat ke enam bulan.

Al-Minhaaj Centre juga membuka kelas berkenaan kepada orang awam yang beragama Islam dengan memberi keutamaan kepada golongan mualaf.

Selain daripada Kelas Bimbingan Muallaf anjuran Al-Minhaaj Centre di Mukim Rambai, Kelas Bimbingan Muallaf anjuran PDI turut diadakan di keempat-empat daerah, iaitu satu tempat di Daerah Brunei dan Muara, dua buah tempat di Daerah Belait, tujuh buah tempat di Daerah Tutong, dan tiga buah tempat di Daerah Temburong.

Mualaf yang berminat bolehlah mendapatkan maklumat lanjut dari PDI atau Pejabat Dakwah daerah masing-masing.

77 pelajar diterima masuk di ITQSHHB

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
 Foto : Mohd. Zul-Izzi Duraman

kemahiran.

Perkara demikian dijelaskan semasa Majlis Penerimaan Pelajar Baharu Tahun 7 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi sesi pengambilan ke-28 tahun 1441H, yang berlangsung di Dewan Kuliah, ITQSHHB, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

"Menghafaz merupakan salah satu metode pembelajaran yang tertua, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri menerima wahyu dan mengerjakannya kepada umat Islam melalui hafazan. Menghafaz juga merupakan amalan lazim para soleh dan ilmuwan di zaman lampau. Mereka sangat menghargai ingatan yang kuat dan menganggap perkembangan

ingatan untuk menghafaz sebagai salah satu tujuan pendidikan," jelasnya lagi.

Katanya, para sahabat radiallahuanhum menghafaz ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurut penelitian pakar jelasnya, aktiviti menghafaz dapat meningkatkan pencapaian dan keberhasilan otak.

"Semakin banyak menghafaz, maka sel-sel dalam otak akan menjadi lebih kuat. Tidak mudah lupa dan lebih cepat dalam meningkat serta menyimpan informasi dan ilmu yang dipelajari.

Jadi tidak hairanlah jika kita melihat pelajar-pelajar di institut ini yang berjaya dalam pelbagai bidang. Apa

"SEMAKIN banyak menghafaz, maka sel-sel dalam otak akan menjadi lebih kuat. Tidak mudah lupa dan lebih cepat dalam meningkat serta menyimpan informasi dan ilmu yang dipelajari."

Berazam belajar bersungguh-sungguh



AMPUAN Nur Sabrina binti Ampuan Rodey Iskandar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Januari. - Menghafaz merupakan salah satu metode pembelajaran yang tertua, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri menerima wahyu dan mengerjakannya kepada umat Islam melalui hafazan.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa orang pelajar semasa Majlis Penerimaan Pelajar Baharu Tahun 7 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi sesi pengambilan ke-28 tahun 1441H.

Keterujaan dan semangat

AWANG Muhammad Darwisy Hakimi bin Mardeny @ Yakub.

untuk memulakan hari pertama masuk ke ITQSHHB dirasai dengan kegembiraan dan kesedihan.

Ampuan Nur Sabrina binti Ampuan Rodey Iskandar berkata, beliau berasa gembira kerana dapat masuk ke ITQSHHB dan dapat berjumpa kawan-kawan baharu.

Menurutnya, beliau berazam untuk belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita dan berjanji tidak akan menghamparkan kedua-dua ibu bapa.

Manakala Awang Muhammad Darwisy Hakimi bin Mardeny @

Yakub berkata, harapan untuk memasuki ITQSHHB ini akhirnya tercapai juga.

Beliau juga berjanji akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan nanti.

Katanya, azam pada tahun ini akan berusaha hingga tercapai cita-cita ingin menjadi seorang doktor.

Dayang Siti Nur Adriana binti Hassan Baha yang mendapat 5 'A' dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun lepas mendorongnya untuk memasuki



SETIAUSAHA Tetap KHEU semasa menyampaikan mushaf kepada para pelajar baharu pada Majlis Penerimaan Pelajar Baharu Tahun 7 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi sesi pengambilan ke-28 tahun 1441H.

yang penting ialah keikhlasan, keinginan, semangat dan usaha serta disiplin diri untuk berjaya," ujarnya.

Seramai 77 pelajar diterima masuk ke institut ITQSHHB sesi 1441H / 2020M yang terdiri daripada 32 pelajar lelaki dan 45 pelajar perempuan.

Majlis tersebut diadakan untuk pelajar-pelajar baharu sebagai acara kemuncak kepada Program Minggu Ta'aruf (orientasi) mereka selama enam hari yang bermula pada Isnin, 10 Jamadilawal 1441H bersamaan dengan 6 Januari 2020M sehingga Sabtu, 15 Jamadilawal 1441H bersamaan 11 Januari 2020M.

Antara aktiviti yang diaturkan sepanjang sesi orientasi

tersebut adalah Bengkel Pengenalan Hafazan Al-Quran (Adab dan Teknik Menghafaz Al-Quran / Disiplin sebagai Pelajar Al-Quran); Taklimat Etika Berpakaian dan Memakai Sahal; Taklimat Kaunseling dan Motivasi; Qiamullail; Pertandingan Murattal; Pertandingan Daie Muda; Bengkel Qasidah; aktiviti sukan dan Kuliah Subuh.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah Ali Imran, ayat 102-108 daripada pelajar baharu Tahun 7 yang bakal mengikuti sesi pengajian 1441H / 2020M, Awang Razin Hakim bin Abdul Razak manakala inti sari dibacakan oleh Awang Md. Zulhelmi Hashim bin Jainuddin.



IKRAR pelajar daripada para pelajar baharu Tahun 7 ITQSHHB bagi sesi pengambilan ke-28 tahun 1441H.

ITQSHHB. Dengan adanya dorongan daripada ibu bapa juga maka hasrat untuk melanjutkan pelajaran di ITQSHHB akhirnya tercapai.

Beliau berjanji tidak akan

menghampakan kedua-dua ibu bapa yang tidak putus memberikan semangat dan tunjuk ajar yang begitu baik sekali sehingga beliau mendapat keputusan yang cemerlang.


IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 03/01/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN : 13 JANUARI 2020
TARIKH TUTUP : 27 JANUARI 2020
1. PEGAWAI PELANCONGAN
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/002/03
2. PENOLONG PEGAWAI WARIS
C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III)
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/002/04
3. PENOLONG PEGAWAI FOTO TINGKAT II
C.2 EB.3 (BAHAGIAN III)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/002/01

**JABATAN
PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
KEMENTERIAN
TENAGA**



**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN**

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PDP / 058 / 2019

TAJUK TAWARAN :
**INSTALLATION OF 11KV RING
CIRCUIT NETWORKS BETWEEN
SEKOLAH PANAGA SUBSTATION
AND PANAGA HOUSING NO. 9
SUBSTATION, BELAIT DISTRICT**

TARIKH TUTUP :
**14 JANUARI 2020 / SELASA
(JAM 2.00 PETANG)**

YURAN TAWARAN :
**BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**JABATAN DAERAH
BELAIT KEMENTERIAN
HAL EHWAJ DALAM
NEGERI**



**POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**



Jawatankuasa Sebut Harga
Politek Brunei, Blok 2E
Kondominium Jalan Ong Sum Ping
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

TAWARAN
BILANGAN SEBUT HARGA :
PB / KEW / PROC / Q / 2019 - 2020 / 004

KETERANGAN :
TAWARAN 'SUPPLY, DESIGN,
PRINTING AND DELIVERY OF
T-SHIRTS FOR STUDENTS
OF POLITEKNIK BRUNEI IN
CONJUNCTION OF BRUNEI
DARUSSALAM 36TH NATIONAL DAY

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND5.00**

TARIKH MULA / TUTUP DAN WAKTU :
Mulai 7 Januari 2020 hingga 21 Januari
2020
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

**WAKTU-WAKTU PENGAMBILAN
DOKUMEN TAWARAN :**
Ismi hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga
10.00 Pagi

**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL
EHWAJ UGAMA**

MAKLUMAN

**SEBUT HARGA MENGAMBIL,
MENCUCI, MENGOSOK SERTA
MENGHANTAR JUBAH KOLEJ
UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN**

Borang tawaran mula dibuka pada
Isnin, 10 Jamadilawal 1441H
bersamaan 6 Januari 2020M



BILANGAN TAWARAN :
(67) JDB / BMP / 1.3 / F

KENYATAAN TAWARAN :
**TAWARAN MEMBEKAL
KOTAK TRELER
(TRAILER BOX) LENGKAP
BERSERTA BAR
PENUNDA (TOWING BAR)
KENDERAAN
DAN PERANGKAP HAIWAN
LIAR**

**TARIKH TUTUP : 4 FEBRUARI 2020
(SELASA), JAM 2.00 PETANG**



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**JUALAN LELONG SECARA
TAWARAN SEBUT HARGA**

1. TAWARAN sebut harga adalah dipelawa kepada pemberong-pemberong firma swasta dan orang perseorangan.
2. Peserta yang berminat untuk melihat kenderaan lelong tersebut hendaklah terlebih dahulu membeli dokumen tawaran yang dinyatakan seperti berikut :

NAMA SEBUT HARGA:
LELONG KENDERAAN BOMBA
LAPANGAN TERBANG BG 9078

RUJUKAN SEBUT HARGA :
DCA / 2020 / SH / L-01

DOKUMEN SEBUT HARGA
BOLEHLAH DIPEROLEH :
BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT BAWAH
BANGUNAN IBU PEJABAT
JABATAN PENERBANGAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NOTE :

- OPEN MONDAY TO THURSDAY AND SATURDAY
AND SATURDAY
- 08.30 AM -11.00 AM
AND 02.00 PM - 03.00 PM
- PROPONENTS MUST WEAR APPROPRIATE ATTIRE
- PROPONENTS MUST BRING ALONG VALID IC OR PASSPORT

HARGA YURAN DOKUMEN :
BND5.00 SETIAP SATU (1) DOKUMEN SAHAJA

TARIKH TUTUP MENGHANTAR

DOKUMEN SEBUT HARGA :
RABU, 29 JANUARI 2020
JAM 2.00 PETANG

TEMPAT MENGHANTAR
DOKUMEN SEBUT HARGA :
PETI SEBUT HARGA
JABATAN PENERBANGAN AWAM

3. Peserta hendaklah menyertakan semua dokumen yang dipersyaratkan dalam dokumen tawaran sebut harga tersebut.

4. Peserta hendaklah mematuhi semua peraturan, terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran sebut harga tersebut.

5. Tawaran sebut harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan ditulis dengan tidak menunjukkan identiti atau logo syarikat :

NAMA SEBUT HARGA :
LELONG KENDERAAN BOMBA
LAPANGAN TERBANG BG 9078

RUJUKAN SEBUT HARGA :
DCA / 2020 / SH / L-01

ALAMAT :
PENGERUSI
JAWATANKUASA PENGHAPUSAN
JABATAN PENERBANGAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
RABU, 29 JANUARI 2020
JAM 2.00 PETANG

6. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi di talian +673 2330142 sambungan 1543 / 1063.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**JUALAN LELONG SECARA
TAWARAN SEBUT HARGA**

1. TAWARAN sebut harga adalah dipelawa kepada pemberong-pemberong firma swasta dan orang perseorangan.

2. Peserta yang berminat untuk melihat kenderaan lelong tersebut hendaklah terlebih dahulu membeli dokumen tawaran yang dinyatakan seperti berikut :

NAMA SEBUT HARGA:
LELONG KENDERAAN AMBULANCE
BOMBA LAPANGAN TERBANG BG 9993

RUJUKAN SEBUT HARGA :
DCA / 2020 / SH / L-02

DOKUMEN SEBUT HARGA
BOLEHLAH DIPEROLEH :
BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT BAWAH
BANGUNAN IBU PEJABAT
JABATAN PENERBANGAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NOTE :

- OPEN MONDAY TO THURSDAY AND SATURDAY
- 08.30 AM -11.00 AM
AND 02.00 PM - 03.00 PM
- PROPONENTS MUST WEAR APPROPRIATE ATTIRE
- PROPONENTS MUST BRING ALONG VALID IC OR PASSPORT

HARGA YURAN DOKUMEN :
BND5.00 SETIAP SATU (1) DOKUMEN SAHAJA

TARIKH TUTUP MENGHANTAR

DOKUMEN SEBUT HARGA :
RABU, 29 JANUARI 2020
JAM 2.00 PETANG

TEMPAT MENGHANTAR DOKUMEN
SEBUT HARGA :
PETI SEBUT HARGA
JABATAN PENERBANGAN AWAM

3. Peserta hendaklah menyertakan semua dokumen yang dipersyaratkan dalam dokumen tawaran sebut harga tersebut.

4. Peserta hendaklah mematuhi semua peraturan, terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran sebut harga tersebut.

5. Tawaran sebut harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan ditulis dengan tidak menunjukkan identiti atau logo syarikat :

NAMA SEBUT HARGA :
LELONG KENDERAAN AMBULANCE
BOMBA LAPANGAN TERBANG BG 9993

RUJUKAN SEBUT HARGA :
DCA / 2020 / SH / L-02

ALAMAT :
PENGERUSI
JAWATANKUASA PENGHAPUSAN
JABATAN PENERBANGAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
RABU, 29 JANUARI 2020
JAM 2.00 PETANG

6. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi di talian +673 2330142 sambungan 1543 / 1063.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
KK / 264 / 2019 / 2020 / TUT (TC)
KETERANGAN :
PROVISION OF CATERING SERVICES
TO THE PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI
AL-MUHTADEE BILLAH
(PMMMPHAMB) HOSPITAL,
NATIONAL ISOLATION CENTRE AND
TUTONG DIALYSIS CENTRE FOR A
PERIOD OF FIVE (5) YEARS
YURAN TAWARAN :
BND500.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 266 / 2019 / 2020 / UPP(TC)
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL
CONSUMABLE ITEMS FOR EYE



**CLINIC AT RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR
A PERIOD OF THREE (3) YEARS
YURAN TAWARAN :**

BND30.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 267 / 2019 / 2020 / HTD
KETERANGAN :
SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION,
TESTING AND COMMISSIONING ONE
(1) UNIT OF ULTRASONIC
DEBRIDEMENT MACHINE FOR RAJA
ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA
(RIPAS) HOSPITAL
YURAN TAWARAN :

BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 268 / 2019 / 2020
KETERANGAN :

THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT
OF PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :

BND30.00

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 269 / 2019 / 2020
KETERANGAN :

THE SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE DEPARTMENT
OF PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :

BND30.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 270 / 2019 / 2020 / UPP(TC)
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL
CONSUMABLE ITEMS (LOW PROFILE



**OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

BILANGAN SEBUT HARGA :
KKBS / OBBD / F-004
(02-2020-2022)

**KONTRAK PENGGAL (2) TAHUN
(2019-2021) BAGI PENYEDIAAN DAN
PENYAJIAN MAKAN / MINUM
(CATERING) UNTUK PEGAWAI,
KAKITANGAN DAN PESERTA
YANG MENGIKUTI
PELBAGAI PROGRAM
OUTWARD BOUND BRUNEI
DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN
SUKAN**

Tarikh Akhir Mengambil Borang :
28 Januari 2020 (Selasa)
Tarikh Tutup Sebut Harga :



30 Januari 2020, jam 2.00 Petang
(Khamis)

**GASTROSTOMY FEEDING TUBE) FOR
DEPARTMENT OF GENERAL
SURGERY (PAEDIATRIC SURGERY) AT
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A
PERIOD OF THREE (3) YEARS
YURAN TAWARAN :**

BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 271 / 2019 / 2020 / UPP (TC)
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL
CONSUMABLES FOR HOMEBASED
NURSING UNIT, RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)
HOSPITAL FOR A PERIOD OF
THREE (3) YEARS
YURAN TAWARAN :

BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 272 / 2019 / 2020 / UPP (TC)
KETERANGAN :
FIRE ALARM SYSTEM INTEGRITY
TEST FOR HEALTH CENTRES AT
BRUNEI/MUARA DISTRICT AND
MINISTRY OF HEALTH COMPLEX
BUILDING

Eligibility For Tenderers:
Registered With Ministry of Health and or
Ministry (Syarikat Firma Perunding
Mechanical & Electrical)
YURAN TAWARAN :

BND30.00

TARIKH TUTUP :
14 JANUARI 2020
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL PEGAWAI KADET
LELAKI DAN WANITA PENGAMBILAN KE-20 SIRI 01 / 2020
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

PENDAFTARAN sekarang dibuka untuk mencebur Kerjaya Tentera sebagai bakal-bakal Pegawai Kadet Lelaki dan Wanita Pengambilan Ke-20 Siri 01 / 2020 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kelayakan dan kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibuka bermula pada :
Isnin, 6 Januari 2020
hingga

Khamis, 30 Januari 2020
(setiap Isnin, Selasa dan Rabu sahaja)

Tempat Pendaftaran :
**Pejabat Pengambilan Jabatanaroh Keanggotaan
Bolkiah Garison, Kementerian Pertahanan**

(Bangunan Baru Pejabat Pengambilan berdekatan dengan bangunan Pancaragam ABDB).

Waktu Pendaftaran :
Isnin, Selasa dan Rabu sahaja
8.30 Pagi hingga 11.30 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 4.00 Petang

Pemohon-pemohon mestilah berpakaian kemas dan berkasut bagi lelaki manakala baju kurung, bertudung serta berkasut bagi wanita dan juga membawa risalah-risalah seperti :

- a. Sijil kelulusan akademik sekolah yang asal
- b. Kad Pengenalan asal
- c. Sijil berhenti sekolah

**Tempat letak kereta :
Kawasan letak kereta belakang bangunan Pancaragam ABDB**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :
Pejabat Pengambilan Jabatanaroh Keanggotaan
Bolkiah Garison
Telefon : +673 2386898
Atau layari laman sesawang :
<http://www.mindf.gov.bn>
E-mail : FRO@mindf.gov.bn



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**
**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / BSB / 493 / 2019**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH SARIPAH BINTI HAJI SULAIMAN** kerana minta Surat Kuasa Pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PG. HAJAH MARIAM BINTI PENGINRAN HAJI MD. DAUD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **14 JANUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / BSB / 494 / 2019**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PG. SOFIAN @ PG. MD. SOFIAN BIN PG. HJ. MATARSAT** kerana minta Surat Kuasa Pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SITI RATNA BINTI HJI ABDUL GHANI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **14 JANUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / BSB / 495 / 2019**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DYG. SITI AFSAH BINTI HAJI ABD. KADIR** kerana minta Surat Kuasa Pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PG. HAMZAH BIN PG. HJ. METALI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **14 JANUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / BSB / 496 / 2019**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **TAN ENG KHON** kerana minta Surat Kuasa Pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **TAN ENG KIONG @ LEE MAO TONG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ABANG** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa

permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **14 JANUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / BSB / 497 / 2019**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NAJI BIN TAWI** kerana minta Surat Kuasa Pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **GILLY ANAK INGGOK TONG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **14 JANUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / BSB / 499 / 2019**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHD. ALIMIN BIN ABDUL WAHID** kerana minta Surat Kuasa Pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJHA ROSLINAWATI BINTI HJ. MOKHTAR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **14 JANUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / BSB / 501 / 2019**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ZAMAN BIN HAJI SAMAT** kerana minta Surat Kuasa Pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MD. ZAKRI BIN HAJI SAMAT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ABANG** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **14 JANUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Disember 2019.

(NORAADIYAATI BINTI TAHA)
Pemangku Penolong Pegawai Waris
b.p. Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Tinggi Brunei



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 47 / 2019**

**SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION,
TESTING AND COMMISSIONING
OF MOBILE FUEL STATION AND
ASSOCIATED WORKS AT BANGAR,
TEMBURONG**

**BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

KELAS : III ABOVE, SPECIALIST

KATEGORI KA01 OR B01

**TEMPOH PENYIAPAN :
EMPAT (4) BULAN**

**TARIKH TUTUP :
11 FEBRUARI 2020**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh di Jabatanaroh Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510,

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**RUJUKAN TAWARAN :
17 / JPD / JKSH / 20192020**

**TAJUK SEBUT HARGA :
TAWARAN PERKHIDMATAN
KANTIN DI KOMPLEKS LITAR
UJIAN DAN LATIHAN MEMANDU,
JABATAN PENGANGKUTAN
DARAT SG. AKAR BAGI TEMPOH
DUA (2) TAHUN**

**TARIKH TUTUP :
Selasa, 28 Januari 2020,
jam 2.00 Petang**

**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
LA / BSB / 496 / 2019**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **TAN ENG KHON** kerana minta Surat Kuasa Pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **TAN ENG KIONG @ LEE MAO TONG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ABANG** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa

IMBASAN MINGGUAN

MENARIK... MKM Live Charity Performance daripada penyanyi dan pemhibur tanah air. - Foto : Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



PROJEK berbagi rezeki KKBT kepada beberapa buah sekolah swasta dan dua keluarga yang kurang bekemampuan di sekitar Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Masri Osman.

GEMBIRA... Suasana kemasukan pelajar baharu Mahad Islam Tutong. - Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin.



ANTARA pelajar baharu Tahun 7 yang mengikuti taklimat orientasi. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.

PROGRAM outreach keselamatan jalan raya, kereta Shell Eco-Marathon UBD antara dipamerkan pada Program Jangkauan Keselamatan jalan raya. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



SEORANG pengunjung beraksi dengan seekor ular di Bandarku Ceria. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.

Hobi mengumpul koleksi warisan lama

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari. - Warisan budaya bangsa merupakan cerminan yang tinggi nilainya terhadap peradaban sesuatu bangsa. Khazanah peninggalan warisan perlu dihargai agar warisan budaya nenek moyang tidak terabai begitu sahaja.

Dalam menghargai khazanah warisan terdahulu, seorang pesara Perkhidmatan Awam, Awang Haji Jahri @ Azahari bin Awang Gamok dari Kampung Lambak Kanan telah menyimpan pelbagai koleksi warisan peribadi yang sudah di kumpul sejak zaman bujang lagi.

Awang Haji Jahri mula

mengumpul koleksi barang-barang antik tersebut bermula pada tahun 1970 dengan membeli barang antik tersebut daripada penjual dari dalam dan luar negara.

Minat tersebut berterusan sehingga beliau bersara malah beliau tidak teragak-agak untuk mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi malahan mencapai ribuan ringgit bagi memenuhi minat beliau terhadap barang-barang lama tersebut. Awang Haji Jahri amat bersyukur kerana minat mengumpul barang antik tersebut mendapat sokongan dan dukungan daripada isteri serta anak-anak beliau.

Awang Haji Jahri mula menjual



AWANG Haji Jahri @ Azahari bin Awang Gamok dari Kampung Lambak Kanan.



AWANG Haji Mohd. Roslan bin Haji Mat Salleh dari Kampung Perpindahan Lumapas.

koleksi barang antik pada tahun 2016 di Tamu Kianggeh setiap hari Jumaat dan di Bandarku Ceria pada setiap hari Ahad.

"Antara barang yang saya kumpul ialah celapa, badil, keris, duit kertas lama, wang syiling, canang dan periuk berayat jawi," jelasnya.

Barangan antik mempunyai nilai yang sangat tinggi malah ia seharusnya terus dipelihara agar ia tidak akan pupus malah sangat berguna untuk didedahkan kepada generasi baharu di masa yang akan datang.

Selain itu, Awang Haji Mohd. Roslan bin Haji Mat Salleh dari Kampung Perpindahan Lumapas ketika ditemui berkata bahawa ada orang berpendapat, hobi mengumpul barang lama atau antik memerlukan kos tinggi.

"Namun, jika ada minat yang mendalam, wang ringgit bukanlah menjadi persoalan kerana kepuasan memiliki barang-barang itu menjadi keutamaan pengumpulnya," terang beliau.

Ternyata hobi mengumpul dan menyimpan wang lama mahupun barang antik ujar beliau, menjadikan seseorang itu akan sentiasa prihatin terhadap harta benda sama ada miliknya sendiri ataupun daripada pemberian orang lain.

Awang Haji Mohd. Roslan berasa cukup selesa dengan melibatkan diri dalam penjualan barang antik dan wang-wang lama.



ANTARA koleksi barang antik berupa duit syiling yang ditawarkan kepada orang ramai (atas dan bawah).



MKM hulur sumbangan, bantu mangsa kebakaran



YANG Dipertua MKM, Awang Haji Mohd Yusof Shaik Abdul Halim menyampaikan derma kepada mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Pengiran Bendahara Lama (atas dan kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Kesejahteraan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari. - Empat ketua keluarga mangsa kebakaran yang berlaku di Kampung Pengiran Bendahara Lama baru-baru ini telah menerima bantuan yang dihulurkan oleh Majlis Kesejahteraan Masyarakat

(MKM) pada Majlis Penyampaian yang berlangsung di Pejabat MKM, di Kampung Sungai Hanching, Jalan Muara hari ini.

Sumbangan derma berupa peralatan dapur telah disampaikan oleh Yang Dipertua MKM, Awang Haji Mohd. Yusof Shaik

Abdul Halim kepada Dayang Hasimah binti Abd Rahman; Awang Abdul Majeed bin Moosa; Dayang Norhafizah binti Haji Jaini dan Awang Mohd. Jefry bin Haji Mohd. Ali.

Dengan sumbangan derma kepada para mangsa kebakaran itu, MKM berharap ia akan dapat meringankan beban mereka yang ditimpakan musibah.

Turut hadir pada majlis

penyampaian itu ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi MKM serta ahli-ahli keluarga para mangsa kebakaran.

MKM telah ditubuhkan secara rasmi dan didaftarkan di bawah Pendaftaran Pertubuhan (ROS) pada 2 Disember 2009, yang mana pada masa ini diterajui oleh selaku Yang Dipertua MKM.

Antara projek yang

diungkayahkan oleh MKM termasuklah Klinik Guaman dan Penasihat, Skim Fidyah dan Bicara Undang-Undang. Selain itu, MKM juga mengungkayahkan Bantuan Makanan Asasi, Kembali Ke Sekolah (Back To School) dan membaik pulih rumah klien.

Selain itu, MKM juga menghulurkan Bantuan Kemanusiaan kepada Pelarian Rohingya di Bangladesh.

Berkongsi perspektif dalam bidang Sains



DAYANG Sharifah Yura Mona Mas Rahayu binti Abdullah Yura Ulimateen (dua, kanan) dan Soo Jun Shan (kanan sekali) bersama Dayang Hajah Aidah Lena Mawarni binti Mohd. Noh sebagai pegawai pengiring (kiri sekali) berlepas ke Republik Singapura bagi menyertai The 12th International Science Youth Forum (ISYF 2020) anjuran Hwa Chong Institution. Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Dr. Mona Aliana binti Dato Paduka Haji Alimin (dua, kiri).

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Ahad, 12 Januari. - Dua pelajar cerdas pintar dan seorang Pegawai Pendidikan dari Unit Pendidikan Khas pagi tadi berlepas ke Republik Singapura untuk menyertai The 12th International Science Youth Forum (ISYF 2020) anjuran Hwa Chong Institution.

Delegasi terdiri daripada Dayang Sharifah Yura Mona Mas

Rahayu binti Abdullah Yura Ulimateen dari Pusat Tingkatan Enam Tutong dan Soo Jun Shan dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, manakala Dayang Hajah Aidah Lena Mawarni binti Mohd. Noh sebagai pegawai pengiring.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar

ialah Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Dr. Mona Aliana binti Dato Paduka Haji Alimin.

ISYF merupakan forum tahunan di mana pelajar terbaik dalam bidang Sains dapat berkongsi minat dan pendapat mereka melalui pameran dan perkongsian penyelidikan.

Pada tahun ini, sebanyak 21 negara menyertai forum tersebut yang memberi peluang kepada para peserta memperluas pengetahuan dan perspektif

mereka dalam bidang Sains melalui aktiviti lawatan ke institusi penyelidikan teratas dan juga universiti di Singapura termasuk acara Team Project Challenge.

Kemuncak forum tersebut adalah sesi berinteraksi bersama penerima Hadiah Nobel yang dijemput dan para saintis terkemuka semasa sesi-sesi Master Class dan Focused Dialogues.

Dengan tema tahun ini, 'Evolving Aspirations : Divergent Pathways, Convergent Future', forum akan diadakan dari 13 hingga 17 Januari 2020.

Para pelajar, Dayang Sharifah Yura Mona Mas Rahayu dan Soo Jun Shan akan mengongsikan projek mereka yang bertajuk 'Nyaru Ayer. Floating Waste Collector' semasa pameran poster dan perkongsian penyelidikan di mana mereka akan berkongsi reka bentuk dan konsep prototaip mereka, iaitu pengumpul sampah terapung sebagai penyelesaian untuk membersihkan permukaan Kampong Ayer, secara tidak langsung memerangi salah satu isu global, iaitu pencemaran air.

Manakala pada sesi kongsi sama guru, Dayang Hajah Aidah Lena Mawarni akan berkongsi mengenai salah satu sesi Program Pendidikan Kebangsaan bertajuk 'Brain Food' yang telah direka menggunakan kaedah Concept-Based Curriculum and Instruction Approach.

Forum bukan sahaja bertujuan untuk memperkaya dan meningkatkan kecekapan pedagogi guru melalui



DAYANG Sharifah Yura Mona Mas Rahayu binti Abdullah Yura Ulimateen semasa ditemu bual.

perbincangan dan perkongsian idea serta amalan profesional di kalangan para guru dari 21 negara peserta yang lain, malah meningkatkan hubungan rapat dan kerjasama antara pendidik pada masa hadapan.

Dayang Sharifah Yura Mona Mas Rahayu semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan bahawa beliau dan Soo Jun Shan telah memulakan penyelidikan projek sejak pertengahan November 2019.

"Saya seterusnya berharap menerusi perkongsian ini dapat mengambil pengalaman dan maklumat yang baharu dari sana untuk pendidikan lanjutan," jelas beliau lagi.


Jumlah perdagangan catat BND1,495 juta, Oktober 2019

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi


BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Januari. - Jumlah perdagangan Negara Brunei Darussalam pada bulan Oktober 2019 meningkat 6.3 peratus menjadi BND1,495 juta

berbanding bulan Oktober 2018. Jumlah eksport menurun sebanyak 10.0 peratus tahun-ke-tahun kepada BND769.6 juta berbanding BND855.4 juta pada Oktober 2018.

Peratus Taburan Import Mengikut Rakan Dagangan



Peratus Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



Ini disebabkan penurunan eksport Gas Cecair Asli (LNG) sebanyak 26.7 peratus berikutan penurunan purata harga Gas Cecair Asli daripada USD11.51 setong sehari (Oktober 2018) menjadi USD8.52 setong sehari pada Oktober 2019.

Manakala, eksport Minyak Mentah mencatatkan peningkatan sebanyak 13.5 peratus disebabkan peningkatan jumlah isi padu sebanyak 47.2 peratus, daripada 96.16 kbbi sehari (Oktober 2018) kepada 141.58 kbbi sehari pada Oktober 2019.


Jumlah import meningkat sebanyak 31.6 peratus tahun-ke-tahun kepada BND725.4 juta. Lima komoditi import utama pada bulan ini adalah Bahan Api Galian (40.9 peratus), diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (26.6 peratus), Barang-barang Keluaran Kilang (14.8 peratus), Makanan (6.7 peratus), dan Bahan Kimia (5.0 peratus).

Mengikut Kategori Penggunaan Akhir, import Barang Perantaraan merangkumi 57.7 peratus daripada jumlah import, diikuti oleh import Barang Modal (37.2 peratus) dan Barang Penggunaan (5.1 peratus).


Pasar eksport terbesar bagi Negara Brunei Darussalam pada bulan Oktober 2019 adalah Jepun (41.4 peratus), diikuti oleh Australia (17.2 peratus) dan Thailand (16.4 peratus).

Dari segi import mengikut rakan dagangan, sumbangan terbesar adalah dari Emiriah Arab Bersatu (14.5 peratus), diikuti oleh Kazakhstan (12.8 peratus) dan

Lima Komoditi Import Utama



Prestasi Perdagangan Bagi Negara Brunei Darussalam



Singapura (11.4 peratus).

Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics - IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan 'General System' bagi merekodkan

perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula.

Laporan penuh IMTS bagi bulan Oktober 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di www.depdp.gov.bn.

Tawaran dalam merealisasikan impian perkahwinan



PENGURUS Luxe Elegance Events, Dayang Heidi Yaton binti Suli semasa ditemu bual.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari. - The Glorious Wedding Solution 2020 Series (Vol.2) dihasrat akan dapat memberikan ruang kepada pelanggan untuk memilih dan memberikan perkhidmatan kepada bakal-bakal pengantin yang akan menjadi raja dan ratu sehari.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengurus Luxe Elegance Events, Dayang Heidi Yaton binti Suli semasa ditemui pada acara pameran perkahwinan yang berlangsung di Garden's Veranda Hall, Rimba Garden Central,

di sini.

Beliau menjelaskan, The Glorious Wedding Solution 2020 Series (Vol.2) merupakan anjuran Luxe Elegance Events yang menyediakan pakej-pakej perkhidmatan perkahwinan sebagai persediaan awal bakal-bakal pengantin untuk majlis perkahwinan tahun 2020 dan 2021.

"Keistimewaan The Glorious Wedding Solution 2020 Series (Vol.2) untuk tahun ini, kami mengetengahkan peniaga-peniaga yang baharu berkecimpung dalam bidang perkhidmatan

perkahwinan. Pameran yang diadakan selama dua hari ini turut memberikan perkhidmatan percuma sekali gus mempromosikan produk mereka seperti ukiran henna di tangan dari Haikal Henna, Free Makeover dari Nadia Heidi dan sebagainya," jelas Dayang Heidi Yaton.

Ketika ditanya mengenai sambutan orang ramai, beliau menjelaskan ia sangat menggalakkan di mana sejak jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam para pelanggan tidak putus-putus datang berkunjung untuk mengetahui lagi tawaran pakej-pakej istimewa yang diberikan.

Dalam masa yang sama, beliau turut mengalu-alukan kepada

orang ramai untuk berkunjung ke Brunei Wedding Celebration anjuran Luxe Elegance Events yang akan diadakan pada 13, 14 dan 15 Mac 2020 nanti yang akan diadakan secara besar-besaran bertempat di Garden's Veranda Hall, Rimba Garden Central.

The Glorious Wedding Solution 2020 Series (Vol.2) yang diadakan selama dua hari bermula 11 Januari hingga 12 Januari lalu turut disertai oleh DRS Wedding & Decoration; Artz Production; HYS Tindulang; Haikal Henna; Allura Fleur; Dd gmin Bridal Gallery; Elyn Wedding Atelier; Nadia Heidi; Luxe Wedding Gifts; Structures by GMS; The Four Letter Guys; Zella Bridal dan disokong oleh The Garden's Veranda.



PELBAGAI tawaran dan perkhidmatan diberikan kepada bakal raja dan ratu sehari pada acara The Glorious Wedding Solution 2020 Series (Vol.2) yang berlangsung selama dua hari di Garden's Veranda Hall, Rimba Garden Central (kiri). Manakala gambar kanan, perkhidmatan ukiran henna secara percuma turut menarik perhatian orang ramai dalam acara tersebut.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Kepentingan Amalan Minum Air'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2020
- 'Bersama Memperkasa Belia Negara'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2020
- 'Manfaatkan Ledakan Revolusi Industri 4.0'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2020

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langku dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pengambilan darah, air kencing bakal haji serentak

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Januari. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memaklumkan bahawa Pengambilan Contoh Darah dan Air Kencing bagi Bakal Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam yang terpilih untuk Menunaikan Fardhu Haji bagi Musim Haji Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masih akan diadakan secara serentak bagi ketiga-tiga daerah, iaitu Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong, bermula pada Rabu, 19 Jamadilawal 1441H bersamaan 15 Januari 2020M, jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi; dan 1.30 petang hingga 3.30 petang, di Hospital-hospital berikut, iaitu Daerah Tutong, Hospital Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Daerah Belait, Hospital Suri Seri Begawan; dan Daerah Temburong, Hospital Pengiran Isteri Hajar Mariam.

Manakala bagi Daerah Brunei dan Muara, Pengambilan Contoh Darah dan Air Kencing akan bermula pada Isnin, 24 Jamadilawal 1441H bersamaan 20 Januari 2020M, jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi; dan sebelah petang, bermula pada jam 1.30 petang hingga 3.30 petang, di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Oleh itu, semua bakal jemaah haji yang berkenaan adalah dinasihatkan agar membuat pendaftaran terlebih dahulu sebelum menjalani Pengambilan Contoh Darah dan Air Kencing pada hari, tarikh dan masa yang dijadualkan dengan membawa kad pintar, kad BruHims dan kad perjanjian, masing-masing di kaunter-kaunter pendaftaran berikut, iaitu Daerah Tutong, Daerah Kuala Belait dan Daerah Temburong, di Kaunter Penyambut Tetamu Pesakit Luar. Sementara Daerah Brunei dan Muara, di Kaunter 1, Pendaftaran Pesakit Luar, Hospital RIPAS.

LENSA Pelajar

Sekolah Menengah
Tanjong Maya



F1 in School: Meningkatkan kemahiran pelajar Abad Ke-21

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Ihsan Awang Mohd. Hosny bin Haji Ali Rahman

PELAJAR Abad Ke-21 masa kini perlu menghadapi perubahan global dengan pantas terutama sekali perubahan teknologi. Oleh itu, salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan ialah menganjurkan Pertandingan Cabaran Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) dan Inovasi Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan yang kali pertamanya diadakan pada tahun 2015.

Ruang Lensa Pelajar kali ini mendekati Kelab F1 in School di Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong.

Kelab F1 in School Sekolah Menengah Tanjong Maya (SMTM) melalui Pasukan Victorious Overdrive berjaya menyandang juara keseluruhan bagi Kategori Junior Class Pertandingan Cabaran STEM dan Inovasi Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan Kali Ketiga Tahun 2019 yang berlangsung pada 14 Februari 2019.

Sementara Pasukan Venhenssey yang juga dari Kelab F1 in School berkenaan pula memenangi tempat kedua untuk Kategori Knock Out Race pada pertandingan tersebut.

Projek F1 yang diusahakan hampir setahun itu setentunya berbaloi dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh para pelajar dan guru-guru pembimbing mereka, iaitu Awang Mohd. Hosny bin Haji Ali Rahman dan Awang Ron Armadi bin Awang Ibrahim.

Perjalanan pasukan ini untuk bertanding pada pertandingan itu juga bukanlah sesuatu yang mudah, memerlukan komitmen yang tinggi dan masa untuk menjayakannya.

Menurut guru pembimbing, Awang Mohd. Hosny, persediaan pertandingan dibuat pada waktu CCA (Co-Curricular Activity) dan jika perlu, para pelajar juga akan membuat persiapan selepas kelas sesi petang iaitu jam 3.30 petang hingga 4.30 petang dan juga pada Jumaat.

Antara cabaran yang perlu dilalui oleh pasukan-pasukan ini ialah mencari sumbangan tajaan dari agensi-agensi tertentu.

Usaha tersebut membawa hasil bila mana beberapa agensi dari pihak swasta berkesudian menaja beberapa keperluan pasukan ini untuk bertanding pada peringkat kebangsaan itu.

Bagi Pasukan Victorious Overdrive, setelah berjaya menjadi juara keseluruhan, pasukan in dicalonkan untuk bertanding pada peringkat antarabangsa, World Final, namun terpaksa menarik diri atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Dengan adanya penubuhan Kelab F1 in School di SMTM ini, ia dapat menjadi platform kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam reka bentuk, bahan, struktur, mekanisme dan kawalan elektronik.

Oleh itu, segala cabaran yang dilalui pelajar, dapat membantu untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi serta meningkatkan kemahiran Abad Ke-21, di samping sekolah-sekolah dapat mengoptimalkan sepenuhnya sumber-sumber kemudahan yang disediakan untuk pembelajaran praktikal dan kreatif bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran teknikal dan sains.

Di dalam Pertandingan Cabaran STEM dan Inovasi Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan itu, para pelajar adalah dikehendaki menggunakan ICT dan mempelajari bidang-bidang ilmu lain secara merentas kurikulum seperti fizik, aerodinamik, reka bentuk, pertukangan, penjenamaan, grafik, tajaan, pemasaran, kepimpinan, kerja berkumpulan, strategi kewangan, dan seterusnya di aplikasi secara praktikal, imaginatif dan kompeten.

Dalam pada itu, para guru pembimbing kelab ini juga melahirkan penghargaan atas segala sokongan padu yang diberikan oleh Pengetua SMTM dan juga para ibu bapa yang memberikan kebenaran dan sumbangan sepanjang persediaan anak-anak mereka ke pertandingan tersebut.



NDMC pastikan kesejahteraan masyarakat

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari. - Dalam menghadapi kejadian bencana alam pada musim tengkujuh setiap tahun, pelbagai strategi perancangan, persiapan serta langkah-langkah telah disusun rapi dalam menangani dan menghadapinya terutama Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) yang telah diberikan amanah oleh pihak kerajaan untuk memikul tanggungjawab pengurusan bencana di negara ini.

Ini sesuai dengan peranan utama NDMC, iaitu mengurangkan risiko bencana dengan membentuk pelan dan rangka kerja dasar dan strategik seperti yang telah diperuntukkan di dalam Perintah Pengurusan Bencana 2006, dan meningkatkan kesedaran awam, iaitu dengan mengadakan program, projek dan aktiviti kesedaran awam bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan orang awam agar sentiasa peka mengenai risiko bencana dan mengetahui tindakan yang harus diambil semasa menghadapi bencana.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika berucap pada Mesyuarat Pertama Majlis Bencana Kebangsaan bagi Tahun 2019 menyarankan agar Ahli-ahli Majlis Bencana Kebangsaan mengambil pendekatan Whole of Nation yang melibatkan sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan sukarelawan serta para pemimpin akar umbi dalam sama-sama bersiap sedia dan bertindak balas dalam pengurusan bencana bersama agensi-agensi kerajaan sekiranya diperlukan.

Yang Berhormat juga mengingatkan Ahli-ahli Majlis Bencana Kebangsaan hendaklah meningkatkan kesiapsiagaan dalam memastikan keselamatan

dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa terjamin dengan memberi lebih perhatian kepada tempat-tempat yang berisiko banjir dengan persediaan *structural* dan *non-structural* melalui apa juu kaedah yang sedia ada bagi mencapai negara yang berdaya tahan terhadap bencana melalui tindakan dan pelaksanaan agensi-agensi yang berkepentingan.

Selain itu tegasnya, Ahli-ahli Majlis Bencana Kebangsaan hendaklah juga memberi perhatian kepada cabaran baharu yang dibawa oleh perkembangan industri negara dan juga isu perubahan iklim yang dibangkitkan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Beberapa persiapan telah dilaksanakan antaranya mesyuarat, taklimat dan latihan NDMC bersama agensi-agensi yang berkepentingan sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh pada tahun ini.

Pada peringkat kebangsaan, pihak NDMC telah mengadakan mesyuarat bersama agensi-agensi berkepentingan bagi membincangkan mengenai persiapan dalam menghadapi musim tengkujuh yang dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah NDMC, Awang Shahrin bin Haji Mohd. Jawie, bertempat di Bilik Persidangan At-Tafkir, NDMC.

Di peringkat daerah, Pegawai-pejawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (DDMC) juga telah mengadakan mesyuarat bersama ahli-ahli DDMC di Jabatan Daerah masing-masing bagi membincangkan persiapan daerah dalam menghadapi musim tengkujuh.

NDMC juga mengadakan perjumpaan bersama dengan

Pegawai-pejawai Daerah di Jabatan Daerah masing-masing bagi membincangkan persediaan setiap daerah dalam menghadapi musim tengkujuh termasuk logistik bencana yang diperlukan.

Ahli Penyelaras Kesiapsiagaan Bencana (Disaster Preparedness Coordinator - DPC) yang diiktiraf di bawah NDMC juga telah mengadakan aktiviti gotong royong bersama dengan penduduk kampung yang terdiri daripada Pemimpin Akar Umbi dan Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) di kampung masing-masing.

NDMC juga berjaya mengadakan Table-Top Exercise (TTX) bagi menangani senario kejadian bencana banjir yang berlaku di Daerah Temburong yang telah dikendalikan bersama dengan Pengerusi dan Ahli-ahli DDMC di daerah berkaitan pada 26 hingga 27 Mac 2019.

NDMC juga mengadakan Program DPC yang bertujuan untuk menubuhkan sebuah kumpulan yang dikenali sebagai 'Community Emergency Response Team (CERT)' di Peringkat Mukim dan Kampung melalui MPK di keempat-empat daerah.

Pihak NDMC juga sering dijemput bagi menghadiri taklimat kaji cuaca yang dikendalikan oleh



PUSAT Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) ketika mengadakan mesyuarat bersama agensi-agensi berkepentingan bagi membincangkan mengenai persiapan dalam menghadapi musim tengkujuh.

Jabatan Kajicuaca (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Ahli DPC selaku rakan strategik NDMC juga dijemput bagi sama-sama menghadiri taklimat tersebut.

Ahli-ahli DPC yang diiktiraf juga banyak membantu pihak NDMC dalam menyalurkan maklumat amaran cuaca kepada Penghulu, Ketua Kampung dan

penduduk kampung yang tinggal di kawasan masing-masing.

Orang ramai juga digalakkan untuk memuat turun aplikasi mudah alih 'Safety Guide' yang dihasilkan oleh NDMC dengan kerjasama pelbagai agensi bertujuan untuk mendidik dan memberi panduan asas kepada orang ramai sebagai persediaan bagi menghadapi sebarang bentuk kecemasan atau bencana.

BIBD kukuhkan kedudukan sebagai institusi kewangan Islam terkemuka

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Januari. - Bank Islam Negara Brunei Darussalam (BIBD), selaku institusi kewangan Islam yang terkemuka di Brunei Darussalam telah memasuki dekad baharu dengan satu lagi kemenangan anugerah yang luar biasa, seterusnya mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi kewangan Islam terkemuka dalam penyediaan perkhidmatan di rantau ini.

Peningkatan dan prestasi pasaran tempatan BIBD sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menempatkan BIBD sebagai penerima Anugerah Terbaik Dalam Kewangan Islam - Asia Pasifik 2020 oleh International Investor Magazine, sebuah penerbitan dalam talian yang memberikan pandangan, berita dan maklumat *visual* mengenai tajuk yang terdiri daripada pasaran dunia, peluang pelaburan dan analisis industri.

Penghargaan ini bertepatan dengan ulang tahun ke-27, BIBD dalam menyediakan perkhidmatannya di negara ini. Sejak bermulanya transformasi ini, BIBD telah mencapai kemajuan yang besar dalam pembangunan keupayaannya, termasuk peningkatan dalam penyampaian perkhidmatan dan reka bentuk keseluruhan yang menggambarkan kanvas visual Islam Brunei Darussalam. Identiti unik ini membezakan BIBD dengan institusi kewangan yang lain di negara ini dengan penanda aras perkhidmatan 'Bruneian at Heart'.

Dalam meraikan kejayaan sebagai bank pilihan pertama

negara, BIBD telah menyatakan hasratnya untuk terus merintis jalan baharu untuk menjadi yang terbaik di rantau ini khususnya dalam bidang kewangan Islam. Ini selaras dengan agenda negara untuk mewujudkan hab kewangan Islam dan mendukung wawasan negara 2035.

Visi BIBD 'Perkhidmatan Brunei Menerusi Penyelesaian Islam' menjadi penanda aras dan titik rujukan terhadap gabungan tanggungjawab nilai Islam, ekonomi dan kewangan Islam yang sudah ditakrifkan tiga tahun yang lalu.

Dalam memastikan keselarasan visi ini, BIBD memulakan perjalanan selama tiga tahun dari 2016 hingga 2018 di mana BIBD melancarkan pernyataan misi sebagai institusi pilihan pertama untuk kakitangan, pelanggan dan pihak yang berkepentingan.

Kemunculan kitaran strategik ini telah menyaksikan BIBD mencapai cita-cita tinggi dan sememangnya mencapai kedudukan 'Pilihan Pertama' dengan pekerja, pelanggan dan pihak berkepentingan di Brunei Darussalam seperti yang dibuktikan oleh beberapa pencapaian dan penanda aras empirikal.

Di bawah kategori bank Islam, BIBD sudah berada di barisan hadapan dari segi produk dan perkhidmatan, lebih baik daripada rakan perbankan Islamnya di Malaysia, Indonesia, Thailand dan Pakistan. Matlamat BIBD untuk menyediakan kemudahan pelanggan, kelajuan, inovasi dan digital yang sangat

baik akan meningkatkan daya saing berhubung dengan bank Islam serantau yang lain.

Negara Brunei Darussalam sentiasa bangga kerana komitmennya terhadap nilai-nilai syariah dan penggunaan amalan di semua lapisan masyarakat yang menegakkan nilai-nilai ini.

Di dalam sektor perbankan dan perkhidmatan kewangan, komitmen yang tidak terhingga telah ditunjukkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkenalkan, memelihara, memajukan, membangunkan dan mengembangkan perbankan Islam di Negara Brunei Darussalam terkenal dan dikenali di seluruh dunia.

Kerajaan Brunei dan pengatur perbankan Negara, Autoriti Monetari Negara Brunei Darussalam, telah menjadi unik dalam berkongsi cita-cita mereka untuk meletakkan Negara Brunei Darussalam di barisan hadapan perbankan dan kewangan Islam - seperti yang dicatatkan dalam Rangka Tindakan Kewangan baru-baru ini yang dilancarkan AMBD.

Berlatarbelakangkan ini, pendorong BIBD untuk menjadi Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik bukan sahaja memberi isyarat kepada merealisasikan objektif strategik kerajaan Brunei tetapi juga akan mencerminkan ekonomi Negara Brunei Darussalam dan kedudukannya sebagai hab kewangan Islam yang baru wujud.



AHLI-AHLI Majlis Bencana Kebangsaan sentiasa bersiap sedia dan memberikan tindak balas segera dalam pengurusan bencana bersama agensi-agensi kerajaan (atas dan bawah).



PK erat hubungan bersama masyarakat



SEBAHAGIAN daripada aktiviti yang dikendalikan oleh Pengawasan Kejiraninan (PK) anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama ahli-ahli PK (atas dan kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari. - Dua program yang kerap dikendalikan oleh Pengawasan Kejiraninan (PK) anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ialah aktiviti Pendekatan / Kunjungan serta aktiviti Kebajikan dan Sosial.

Objektif utama aktiviti tersebut ialah untuk melahirkan kepercayaan dan keyakinan bahawa pihak polis sentiasa

berusaha untuk memeduli dan menangani perihal kemaslahatan orang awam, di samping mempertingkatkan keakraban (persahabatan) dan silaturahim di kalangan PPDB dan masyarakat.

Ini diperakui melalui aktiviti-aktiviti yang telah terlaksana dan dikendalikan dengan baiknya seperti kunjungan lawatan kepada ahli-ahli PK bagi perkongsian maklumat dan

pencerahan terhadap isu-isu gejala jenayah serta tren-tren jenayah yang berlaku di kawasan tадahan persekitaran kampung.

Malah, aktiviti gotong royong, kempen membersihkan masjid serta kubur juga diselitkan dalam aktiviti tersebut.

PK Kampung Mentiri; PK Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri; PK Kampung Selangan; PK Kampung Penanjong; PK Kampung Pandan 'B' dan 'C', PK Kampung Mentiri; PK Kampung

Bebuloh; PK Kampung Labu dan Kampung Piasau-Piasau; PK Kampung Panchong; PK Kampung Rambai; PK Kampung Sungai Besar; PK Kampung Serdang; PK Kampung Sengkarai; PK STKRJ Lorong 3 Seria; PK Kampung Lumut 1 dan 2; PK Kampung Perpindahan Mata-Mata; PK Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panaga; PK Kampung Senukoh; PK Kampung Lumut; PK Kampung Penapar; PK RPN Lambak Kanan; PK STKRJ Kampung Sungai

Buloh; PK Kampung Menengah / Bukit Sulang Lamunin; PK STKRJ Kampung Rimba serta PK Kampung Mumong merupakan kampung-kampung yang telah mengendalikan aktiviti-aktiviti berkenaan.

Diharapkan dengan penglibatan aktif dalam kalangan masyarakat kampung melalui PK ini akan berterusan sebagai pemangkin dalam sumbangan rakyat ke arah kesejahteraan dan keselesaan Negara Brunei Darussalam.

**Berbelanja
Bijak&Berhemat
dengan aplikasi**
PenggunaBijak
SmartConsumer



Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the App Store

GET IT ON Google Play

Para Pengguna boleh membuat perbandingan harga dan mendapatkan harga terkini barangan harian terpilih serta maklumat mengenai promosi istimewa dan diskon melalui PenggunaBijak SmartConsumer

Menyediakan pelbagai fungsi:

PENETAPAN HARGA MAKSIMA

Senarai barang yang dikawal harga dan harga maksima barang terkawal dan barang harian pilihan.

PERBANDINGAN HARGA

Perbandingan harga barangan keperluan harian terpilih.

MEMBUAT ADUAN

Mengandungi platform bagi menghantar aduan mengenai amalan tidak wajar perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan barang yang dikawal harga.

JUALAN & POTONGAN DISKAUN

Mengandungi maklumat acara jualan yang sedang dan akan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

PELINDUNGAN PENGGUNA

Bahan-bahan pendidikan mengenai skop Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, Pindaan 2012.

HUBUNGI KAMI:

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Bilik 2A3:06, Aras 03, West Wing,
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BSB, BA1311,
Negara Brunei Darussalam.
Tel: +673 2230223 (Waktu Pejabat)

Sukan

INFO SUKAN

PERTARUNGAN antara DPMM FC dan Projek Ikan Pusu (PIP) menyaksikan PIP telah ditewaskan oleh DPMM FC 1 - 2 pada perlawanan yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. Perlawanan Bola Sepak Belia Bawah 16 Tahun, Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) yang diadakan baru-baru ini bertujuan untuk meningkatkan mutu permainan sukan bola sepak tanah air serta mencungkil bakat-bakat muda bakal pelapis pada masa hadapan.



ePaper Pelita Brunei

Tabuan FC berpesta gol

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari. - Tabuan FC berpesta gol selepas berjaya menewaskan Rimba Star FC dengan kemenangan 6 - 0 pada perlawanan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) Liga Belia Di Bawah 16 Tahun (U16) yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Gol pembukaan Tabuan FC disumbangkan oleh Md. Syaherrul pada minit ke-14.

Memasuki minit terakhir perlawanan separuh masa pertama, Tabuan FC sekali lagi berjaya menyumbangkan gol kedua mereka melalui jaringan Ak. Md. Idzahham.

Ketinggalan dengan jaringan 0 - 2, Rimba Star FC terus menggandakan usaha untuk menghasilkan jaringan namun masih gagal membolosi barisan pertahanan Tabuan FC, malah dikejutkan dengan jaringan Tabuan FC pada minit ke-41 hasil sepakan Md. Syahherul untuk terus mendahului Rimba Star FC.

Selang tiga minit kemudian, nasib kekal menyebelahi Tabuan FC apabila berjaya membolosi gawang Rimba Star FC melalui tendangan Ak. Md. Idzahham pada minit ke-44.

Tabuan FC terus mengukuhkan permainan mereka dengan menyumbangkan gol kelima melalui Md. Abd. Wafiq pada minit ke-55.


Sehingga pada saat-saat akhir permainan, iaitu pada minit ke-58, Tabuan FC turus mengekalkan pertahanan mereka dengan menjaringkan gol keenam mereka menerusi Ak. Md. Idzahham.

Sementara itu, pada perlawanan berasingan yang berlangsung di Padang NFABD menyaksikan pasukan Projek Ikan Pusu menewaskan Indera SC yang berkesudahan 3 - 2.

Manakala perlawanan yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium menyaksikan kemenangan DPMM FC menentang PMS Junior FC dengan kemenangan 4 - 0.



AKSI perlawanan di antara Tabuan FC dan Rimba Star FC pada perlawanan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) Liga Belia Di Bawah 16 Tahun (U16).



Enam pasukan bakal rebut Piala Belia BBA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 Januari. - Enam pasukan terdiri daripada belia-belia berumur 21 tahun ke bawah akan berentap merebut Piala Belia Persatuan Bola Keranjang Brunei (BBA) yang akan berakhir pada 18 Januari nanti.

Pasukan-pasukan yang akan bersaing di Gelanggang Bola Keranjang, Batu Bersurat ialah Wolves, JCYS, Higherbeingbn, Setia Warriors, TSK dan Kurapak.

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjur, Darren Yap dalam ucapan alu-aluannya semasa perasmian Piala Belia BBA antara lain berkata, BBA akan terus bekerja keras untuk mewujudkan lebih banyak platform untuk para belia bersaing.

Beliau seterusnya berharap agar pemain-pemain muda akan terus mempunyai peluang sepenuhnya untuk bermain dengan cemerlang dan juga memberi inspirasi kepada orang ramai untuk bermain sukan yang digemari ini.

Terdahulu, perlawanan pembukaan di antara

PENGURUSI Bersama Jawatankuasa Penganjur, Darren Yap diperkenalkan kepada para pemain (kanan), Sementara gambar kiri, perlawanan di antara Setia Warriors (jersi putih) dan Kurapak (jersi merah).

TSK dan JCYS berkesudahan dengan kemenangan berpihak kepada TSK dengan jaringan 116 - 57 mata, sementara Wolves mengalahkan Higherbeingbn dengan jaringan 112 - 60 mata.

Perlawanan seterusnya menyaksikan pasukan Wolves menentang JCYS dan Higherbeingbn akan bertemu Setia Warriors pada 13 Januari ini.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'TINGKATKAN KEWASPADAAN KETIKA MEMANDU DI JALAN RAYA'

دربیتکن اوله جباتن قراغن، جباتن قردان منtri دان چیتیق اوله جباتن قرچیتقن کراجأن، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam